



● BIL 317 ● 13 - 19 JUN 2025 ● PP1944/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my



**TVET
MADANI**

TVET BUKAN LAGI KELAS KEDUA

➤➤ 2-3

DBKL perhalusi
pelaksanaan URA
➤➤ 6

Seperti kera
dapat bunga
➤➤ 8

TVET kini menjadi
fenomena
➤➤ 17

Perlu gabungan kemahiran dalam AI, robotik BAKAL BERI IMPAK PADA EKONOMI

LAPORAN: AINI MAWAWI, DEEL ANJER, SERIMAH SALLEHUDDIN, METRA SYAHRIL MOHAMED DAN AZLAN ZAMBRY

PENDIDIKAN dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bakal memberi impak besar kepada ekonomi negara, berikutan perubahan besarnya kepada landskap pekerjaan global.

Walau bagaimanapun Bendahari Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAAC), **Profesor Dr Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali** berkata kemahiran sahaja kini tidak mencukupi sebaliknya TVET perlu dikombinasikan dengan kemahiran teknologi seperti kecerdasan buatan (AI), automasi, robotik dan mekanikal.

Katanya ini amat penting supaya tenaga kerja yang bakal dilahirkan mampu berdaya saing sekali gus meningkatkan produktiviti negara.

"Tenaga kerja yang memiliki kemahiran dalam bidang teknologi, pembinaan, elektrik, automotif kini semakin menjadi buruan majikan. Dulu orang berlumba-lumba ke universiti untuk mendapatkan segulung ijazah, mereka hanya mempelajari teori tetapi tidak memiliki kemahiran.

"Apabila ingin melangkah ke dunia pekerjaan, barulah mereka sibuk mencari ilmu kemahiran. Tapi kini kemahiran diperlukan dalam industri untuk melaksanakan pelbagai kerja.

"Namun ia tetap datang bersama cabaran. Akan datang, TVET perlu

beradaptasi dengan AI dan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) yang mana mereka perlu menggabungkan kemahiran contohnya dalam bidang automotif dengan penggunaan AI," katanya.

Menurut beliau memiliki kemahiran saja tanpa diadaptasi dengan kecanggihan teknologi hanya menyebabkan lepasan TVET bakal ketinggalan dan kerja-kerja mereka berpotensi diambil alih teknologi.

"Selain AI, gabungan penggunaan robotik dan mekanikal juga perlu diperkukuh agar mempunyai daya saing malah produktiviti juga akan meningkat. Bukan hanya bergantung kepada satu jalan saja.

"Kalau ada kemahiran tetapi tidak mahir dalam teknologi AI atau robotik, tidak mustahil pekerjaan rutin akan digantikan dengan penggunaan teknologi. Dulu orang nampak TVET lebih kepada baiki kereta, penyaman udara dan penghasilan perabot.

"Sebelum ini ia dilakukan secara manual tetapi sekarang kita perlu gabungkan robotik dan automatik yang akan memudahkan lagi kerja. Mungkin kita rasa seperti mustahil untuk dilaksanakan tetapi kita lihat bagaimana perbincangan melalui Zoom kini boleh dilaksanakan," katanya.

Pelan pemetaan juga katanya perlu disediakan untuk masa depan supaya negara lebih bersedia.

Kerajaan katanya mungkin sedang

atau sudah menghasilkan pelan pemetaan kerana perkara itu sudah lama dibincangkan dan ia penting supaya pelajar lulusan TVET mempunyai kemahiran yang mencukupi selaras dengan IR 4.0 apabila masuk ke dunia pekerjaan.

Beliau menambah adalah sangat membimbangkan jika mereka tidak boleh melaksanakan kerja setelah tamat pengajian jika tidak bersedia dengan kemahiran teknologi.

"Pelan pemetaan sangat perlu supaya kita dapat jangka apa yang bakal berlaku di masa depan. Kita tak mahu mereka tidak boleh buat kerja selepas selesai belajar, contohnya tiada kemahiran robotik.

"Ini akan menyebabkan pelabur asing pergi ke negara yang tenaga kerja mereka mempunyai kemahiran robotik dan AI. Jadi mereka perlu ada alternatif supaya dapat peluang yang sangat besar kelak, jika betul-betul menggabungkan kemahiran dan teknologi.

"Kepakaran mereka nanti amat-amat diperlukan lebih daripada mereka yang memiliki akademik saja. Akademik bukan penting, tetapi jika mampu menguasai akademik dan kemahiran itu adalah bonus untuk mereka," katanya.

Beliau turut memberi contoh Jepun yang sudah lama menggabungkan kemahiran dan teknologi di mana petugas pembersihan tidak perlu menggunakan tenaga yang banyak kerana dibantu dengan teknologi canggih seperti mesin menyapu sampah. 

Memperkasa arah tuju pendidikan

DASAR Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Negara 2030 yang dilancarkan pada Jun tahun lalu menjadikan hala tuju pendidikan TVET lebih jelas dan berstruktur.

Malah Pensyarah Kejuruteraan Mekatronik, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), **Profesor Madya Dr Yasir Mohd Mustafah** berkata ia turut memperkasa Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (MTVET) sebagai badan tertinggi yang membuat keputusan bagi hala tuju pendidikan tersebut.

"Jika sebelum ini, punca kuasa tidak begitu jelas di antara pelbagai kementerian dan agensi terlibat. Namun, yang paling penting, tumpuan utama dasar ini adalah untuk melahirkan pekerja berkemahiran dengan pendapatan tinggi dan bukan lagi hanya laluan untuk pelajar yang tidak mendapat tempat di Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

"Selain menjadi sumber rujukan utama tentang TVET yang menyelaraskan semua yang terlibat, dasar ini juga berjaya meningkatkan minat dan keterlibatan masyarakat dalam TVET.

"Setahun mungkin terlalu pendek untuk kita melihat kesan daripada Dasar TVET Negara. Walau bagaimanapun, satu kesan ketara daripada pengenalan ini ialah adanya satu sumber rujukan utama berkait TVET bagi semua," jelas beliau kepada Wilayahku.

Tambah Yasir selain menjadi sumber rujukan utama tentang TVET dengan menyelaraskan semua yang terlibat, kekuatan utama dalam pelaksanaan awal dasar ini adalah ia berjaya meningkatkan minat dan keterlibatan masyarakat.

"Saya melihat terdapat penekanan yang lebih tinggi dalam institusi TVET untuk bekerjasama dengan industri sekarang. Selain itu, pelbagai geran padanan bersama industri dan institusi TVET diperkenalkan oleh kerajaan.

"Selain itu, pelbagai usaha untuk menarik golongan rentan menyertai TVET dijalankan dan kita mengharap dengan adanya dasar ini dan peranan MTVET, usaha-usaha untuk golongan rentan ini akan lebih terkoordinasi dan berkesan," katanya.

Menurut beliau Dasar TVET Negara menekankan usaha menambah baik kurikulum supaya lebih selari dengan keperluan industri dan meningkatkan kebolehan dan pengetahuan dalam kalangan tenaga pengajar TVET.

"Proses berterusan ini dipercayai berjaya meningkatkan kualiti latihan dan tenaga pengajar di institusi TVET dari tahun ke tahun. Dasar ini juga kini memperkasakan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET supaya ia lebih menyeluruh," jelas beliau.

Dalam masa sama, dengan pengenalan dasar dan peningkatan penglibatan industri yang semakin meningkat, beliau melihat terdapat peningkatan persepsi secara positif terhadap graduan TVET.

"Walaupun bagaimanapun, tidak dapat dinafikan masih terdengar stereotaip oleh masyarakat (dan majikan) yang graduan TVET tidak setanding graduan akademik dari universiti. Satu cabaran yang perlu diberikan perhatian.

"Selain itu, cabaran utama menghalang pelaksanaan dasar ini secara berkesan ialah menyelaraskan belanjawan, sistem data dan program-program antara kementerian-kementerian," katanya.

Ditanya berkenaan langkah penambahbaikan paling kritikal yang perlu diambil menjelang tahun kedua dasar ini, beliau berpendapat sangat kritikal bagi Malaysia untuk mengambil langkah yang lebih serius untuk betul-betul menjadikan industri sebagai peneraju utama dalam TVET seperti di negara Jerman. 



NURADLI



YASIR

Peluang cerah anak muda

LEPASAN Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional atau TVET, **Hud Hu'ubaidullah Ismail**, 34, mengakui bidang ini amat diperlukan negara.

Bekas pelajar jurusan Mekanik Kenderaan Motor di Kolej Auto Terminate Training Sdn Bhd, Kajang, Selangor ini melihat TVET sesuatu yang relevan dan peluang kerjaya cerah buat anak-anak muda.

"Sebagai lepasan TVET dan kini membuka bisnis sendiri dalam bidang ini, saya melihat ia amat relevan kerana banyak sektor perindustrian yang memerlukan kepakaran dan tenaga mahir.

"Kepada ibu bapa yang nak hantar anak mereka belajar bidang TVET ini amatlah digalakkan. Bidang TVET ini luas dan banyak bahagian. Jadi ibu bapa perlulah melihat apa kecenderungan minat anak mereka.

"Bidang TVET ini boleh menjamin peluang cerah pada masa depan asalkan minat dan terus berusaha," katanya.

Hasil belajar dalam TVET, Hud kini membuka bisnis sendiri dan menjadi pemilik bengkel kereta Automechanic Garage, Taman Semenyih Impian, Semenyih, Selangor.

"Berbekalkan pengalaman dan bekerja di bengkel selama 10 tahun, tak dinafikan banyak yang saya pelajari. Kiranya



BENGKEL kereta milik Hud Hu'ubaidullah hasil pengajiannya dalam bidang TVET di Semenyih, Selangor.

pengalaman itu melengkapkan lagi apa yang saya belajar di kolej dulu.

"Saya mula buka bisnis bengkel sendiri pada 2021. Mungkin kalau tengok perspektif sesetengah orang anggap, bengkel kereta ini hanya untuk membaiki kereta sahaja. Sebenarnya lebih daripada itu.

"Dalam bisnis bengkel ini ia turut melibatkan pengurusan bengkel. Misalnya

dulu di syarikat lama, saya bermula dengan mekanik dan menjadi pengurus cawangan di situ sebelum membuka perniagaan sendiri.

"Apa yang ingin saya tekankan di sini, bidang TVET ini sebenarnya luas dan ada bermacam-macam bahagian lagi. Apa yang dipelajari bukanlah asas sahaja, tetapi lebih lagi," katanya. 

Dari peringkat perancangan hingga pensijilan

TVET DIGERAKKAN INDUSTRI

KEBERADAAN Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) ketika ini secara keseluruhannya digerakkan oleh industri, dari peringkat perancangan program hingga kepada pelaksanaan latihan serta pensijilan.

Demikian dimaklumkan Sekretariat Majlis TVET Negara kepada Wilayahku mengenai antara pembaharuan ketara dalam ekosistem TVET susulan peluncuran Dasar TVET Negara 2030 pada tahun lalu.

Malah jelasnya TVET kini mampu menawarkan program-program baru berdasarkan bidang tujuan *High Growth High Value* (HGHV) negara termasuk semikonduktor, automasi industri, aeroangkasa, kenderaan elektrik (EV), keselamatan siber, teknologi digital dan tenaga boleh baharu.

TVET kini benar-benar digerakkan oleh industri dari peringkat perancangan program hingga kepada pelaksanaan latihan dan pensijilan.

“Perkongsian kepakaran, pemindahan teknologi serta penggunaan kemudahan latihan industri juga diperkukuh secara menyeluruh, sejajar dengan Teras C Dasar TVET Negara yang menekankan kerjasama industri secara cepak dan produktif.

“Ini turut menyumbang kepada pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), yang memberi keutamaan kepada transformasi sektor perindustrian berteraskan teknologi



LULUSAN TVET kini mendapat perhatian industri dalam kebolehpasaran pekerja.

tinggi dan nilai tambah,” katanya.

Jelas sekretariat tersebut persepsi positif masyarakat terhadap TVET juga telah menunjukkan perubahan ketara menerusi penjenamaan TVET sebagai pilihan utama kerjaya.

Ini katanya dibuktikan melalui peningkatan konsisten dalam kadar kemasukan dan enrolmen pelajar ke

institusi TVET.

Pada 2022, jumlah kemasukan ke program TVET ialah 166,577 pelajar, meningkat kepada 175,780 pada 2023, dan melonjak kepada 212,022 pada tahun lalu.

Dari segi keseluruhan enrolmen pula, ia meningkat daripada 394,976 pada 2022 kepada 407,038 pada

2023, dan mencatat 436,285 pada 2024.

“Lebih meyakinkan, kadar kebolehpasaran graduan TVET juga menyaksikan peningkatan daripada 92.5 peratus pada 2022 kepada 94.5 peratus pada 2023 dan mencatat 95.1 peratus pada tahun ini.

“Ini menunjukkan bahawa program TVET yang dilaksanakan di negara kita semakin relevan dan responsif terhadap kehendak industri.

“Melalui reformasi dasar dan peningkatan daya tarikan TVET, kerajaan yakin TVET akan menjadi pemacu utama dalam melahirkan modal insan berkemahiran tinggi, berpendapatan tinggi dan berdaya saing selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI,” katanya.

Jelasnya peluncuran Dasar TVET Negara 2030 pada tahun lalu menjadi dokumen strategik utama dalam menyelaraskan pelaksanaan TVET negara.

Dasar ini katanya memperincikan lima teras utama termasuk tadbir urus bersinergi, laluan pendidikan bertaraf dunia, kerjasama industri cepak, pembiayaan mampan serta pemantapan imej TVET sebagai pilihan utama kerjaya.

“Ia memberi fokus kepada penyediaan tenaga kerja mahir yang berkualiti tinggi, berdaya saing dan berpendapatan tinggi selaras dengan kehendak pasaran buruh semasa dan masa hadapan,” katanya.

Sementara itu, permohonan kemasukan ke program-program

TVET bagi Kursus Sepenuh Masa Ambilan Perdana Julai 2025 mula dibuka pada 14 April hingga 15 Jun melalui platform UP_TVET.

Sistem UP_TVET ini merupakan platform permohonan berpusat (*single window*) bagi permohonan ke program TVET di institusi-institusi merentasi kementerian, sekali gus memberi peluang kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta individu yang berminat untuk meneroka bidang kemahiran yang relevan dengan keperluan industri.

Program ditawarkan dalam ekosistem TVET merangkumi pelbagai bidang seperti pembuatan, pertanian moden, pembinaan, perkhidmatan, teknologi maklumat dan kesihatan yang menyediakan tenaga kerja berkemahiran tinggi bagi memenuhi keperluan industri.

Selain itu, peluang menyambung pengajian dalam TVET turut terbuka sepanjang tahun dengan pelbagai pilihan fleksibel melalui Sistem UP_TVET.

Menerusi UP_TVET Flexi, yang dibuka sejak Januari 2025, membolehkan individu mengikuti latihan kemahiran secara modular dan anjal, mengikut kesesuaian jadual masing-masing.

Permohonan dalam portal UP_TVET boleh dibuat melalui <https://mohon.tvet.gov.my> atau muat turun aplikasi MyTVET. Menerusi aplikasi MyTVET ini, pengguna turut boleh menyemak status permohonan dan mengakses maklumat berkaitan institusi TVET di Malaysia.

Kemahiran dijulang setaraf akademik

SILIBUS program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam negara bukan sahaja melalui saringan ketat oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), malah dirangka dengan penglibatan langsung peminat industri bagi memastikan ia selari dengan keperluan sebenar pasaran kerja.

Penekanan terhadap kandungan kurikulum atau silibus TVET yang relevan, berorientasikan kemahiran dan berpaksaan realiti tempat kerja merupakan teras utama pelaksanaan TVET negara hari ini.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif MQA, **Profesor Datuk Dr Mohd Shatar Sabran**, setiap program berteraskan TVET yang ingin ditawarkan oleh mana-mana IPT mesti mematuhi Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) dan garis panduan amalan terbaik yang dikenali sebagai COPPTA (Code of Practice for TVET Programmes Accreditation).

“COPPTA dibangunkan khusus untuk memastikan kandungan silibus program TVET tidak ditentukan secara akademik semata-mata. Sebaliknya, ia digubal secara bersama antara ahli akademik dan wakil industri melalui

bengkel dan rundingan teknikal.

“Ini penting kerana apa gunanya program TVET jika silibus tidak mencerminkan kehendak semasa industri? Kita mahu pastikan graduan keluar dengan kemahiran yang ‘siap diguna’ atau *ready to deploy*, bukan sekadar memenuhi kredit akademik,” katanya kepada Wilayahku.

Mohd Shatar menegaskan pelaksanaan TVET yang berkesan memerlukan silibus yang sentiasa dikemas kini berdasarkan perkembangan teknologi, keperluan tenaga kerja semasa serta input berkala daripada majikan dan badan industri profesional.

Katanya setiap komponen *silibus* perlu menjawab persoalan adakah ia memenuhi kehendak semasa industri?; adakah pelajar berpeluang mengalami latihan langsung (*hands-on*)?; dan adakah kemahiran yang diajar boleh terus digunakan selepas tamat pengajian?

“MQA mewajibkan penglibatan industri dalam pembangunan silibus

sebagai prasyarat utama kelulusan program. Setiap kursus TVET mesti membentangkan bukti input industri, sama ada melalui panel penasihat industri, MoU dengan syarikat, atau keperluan latihan industri secara wajib,” katanya.

Beliau menjelaskan bahawa langkah ini bukan sekadar formaliti, malah menjadi asas bagaimana sesuatu program itu diluluskan, dinilai dan diperbaharui secara berkala.

Malah jelas beliau pendekatan ‘dual-system’ yang menggabungkan teori dan praktikal di tempat

kerja turut digalakkan melalui kerjasama Work-Based Learning (WBL) antara IPT dan sektor swasta.

Beliau berkata walaupun TVET masih diselubungi persepsi negatif dalam kalangan masyarakat sebagai laluan akademik ‘kelas kedua’, realitinya amat berbeza hari ini.

“Masyarakat perlu ubah cara pandang mereka. Kita bukan lagi dalam era 30 tahun lalu. Hari ini, graduan TVET di Malaysia mencatat kadar kebolehpasaran kerja melebihi

90 peratus, malah menerusi data MQA, ada institusi TVET yang mencapai kebolehpasaran sehingga 98 peratus selain memperoleh pendapatan awal yang kompetitif,” katanya.

Beliau berkata antara institusi yang mencatat kebolehpasaran tinggi ialah politeknik, kolej komuniti dan universiti teknikal selain menerusi laporan MQA, majikan kini lebih mengutamakan kemahiran sebenar dan pengalaman praktikal berbanding pencapaian akademik semata-mata.

“Syarikat memerlukan tenaga kerja yang boleh terus menyumbang pada hari pertama bekerja. TVET menjawab keperluan itu melalui silibus yang berfokus kepada latihan praktikal dan kemahiran langsung,” tambahnya.

Dalam usaha memperluas akses kepada TVET, pihaknya turut memperkenalkan laluan Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL) yang memberi peluang kepada individu yang mempunyai pengalaman kerja, tetapi tidak memiliki kelayakan formal, untuk menyambung pengajian di peringkat lebih tinggi.

Tiga bentuk APEL yang ditawarkan ialah APEL A iaitu

laluan kemasukan ke universiti menggunakan pengalaman kerja, APEL C yang membolehkan pemindahan kredit berdasarkan pengalaman kerja, dan APEL Q yang memberi pengiktirafan terus kepada kelayakan akademik (contohnya Diploma, Ijazah, Sarjana dan PhD) berdasarkan jumlah tahun pengalaman.

“Melalui APEL Q, seseorang yang bekerja 10 tahun dalam bidang teknikal boleh memperoleh Diploma tanpa perlu duduk di dalam kelas selama dua tahun. Ini pengiktirafan realistik terhadap ilmu dan kemahiran yang diperoleh melalui pengalaman sebenar,” katanya.

Tambah beliau inisiatif ini diperluas melalui kerjasama KPT dan MINDEF, yang memperkenalkan WBL 2.0 dengan memberi pengiktirafan akademik kepada anggota tentera atas modul latihan teknikal yang telah diikuti sepanjang tempoh perkhidmatan mereka.

Beliau menegaskan bahawa MQA sentiasa menyokong aspirasi kerajaan untuk menjadikan TVET sebagai aliran utama yang menyumbang kepada pembangunan negara, selaras dengan peranan MQA dalam Majlis TVET Negara.



MOHD SHATAR

Tanggguh kes Yusoff Rawther sebab jadual padat PM

KECOH dan menjadi bualan hangat apabila terdapat segelintir warganet mendakwa kononnya Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim cuba 'melarikan diri' berhubung kes serangan seksual pada 2018.

"Kalau tak buat kenapa mesti takut ke mahkamah, kes ini sudah lama difailkan dan tidak logik untuk ditanggguhkan". Itu antara komen-komen warganet yang tidak tahu kebenarannya.

Bertubi-tubi fitnah ini mula berleluasa susulan Mahkamah Rayuan baru-baru ini mengeluarkan perintah ad-interim untuk menangguhkan sementara semua prosiding berkaitan saman sivil yang difailkan oleh Yusoff Rawther terhadap Perdana Menteri berhubung dakwaan berkenaan.

Keputusan itu dibuat selepas panel tiga hakim membenarkan permohonan Anwar untuk menangguhkan saman sivil itu sehingga keputusan dibuat berkenaan permohonan penangguhan penuh oleh Perdana Menteri.

Perbicaraan bagi permohonan penangguhan penuh itu ditetapkan pada 21 Julai.

Hakim Supang Lian, yang



ANWAR memiliki jadual kerja yang padat termasuk baru-baru ini menerima kunjungan hormat Presiden Republik Guinea-Bissau, Jeneral Umaro Sissoco Embaló.

mengetuai panel, berkata keputusan itu dibuat sebulat suara.

"Setelah mendengar hujahan peguam perayu dan responden, kami berpendapat bahawa di bawah Seksyen 44 Akta Mahkamah Kehakiman 1964, kami mempunyai kuasa untuk mengeluarkan perintah ad-interim bagi mengekalkan integriti

permohonan penangguhan oleh perayu, sementara menunggu pelupusan permohonan penangguhan tersebut.

"Oleh itu, kami dengan ini mengeluarkan perintah ad-interim untuk menangguhkan semua prosiding, termasuk perbicaraan penuh di Mahkamah Tinggi, sehingga pelupusan permohonan

penangguhan oleh perayu," katanya ketika menyampaikan keputusan.

Sebenarnya, penangguhan ini dibuat bukanlah sebab takut hendak dibicarakan, tetapi jadual Anwar memang padat.

Ini dibuktikan apabila peguam Alan Wong Teck Wei mewakili Anwar tampil dengan alasan kukuh.

Beliau merujuk kepada tuntutan Yusoff dalam saman itu, yang menurut Wong hanyalah untuk ganti rugi kewangan, dan berhujah bahawa tiada mudarat kepada Yusoff jika kes itu ditanggguhkan ke tarikh lain.

"Saya ingin mengemukakan bahawa tiada mudarat tidak boleh pulih kepada responden (Yusoff) jika perbicaraan ditanggguhkan," katanya.

Wong juga membuat permohonan lisan untuk memperkenalkan jadual kerja Perdana Menteri sebagai bukti bagi menyokong hujahan bahawa saman itu boleh mengganggu tugas awamnya.

Mahkamah kemudian memutuskan untuk mengambil maklum secara kehakiman bahawa jadual Perdana Menteri memang sentiasa padat.

Susulan nahas bas membabitkan pelajar UPSI

KERAJAAN PRIHATIN, CAKNA KEADAAN JALAN

SUSULAN kes nahas bas yang membabitkan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di Jalan Raya Timur-Barat berhampiran Tasik Banding, Perak pada Isnin, timbul pula tuduhan yang tidak sedap didengar.

Terdapat segelintir warganet yang serba tahu kononnya, mendakwa kemalangan tersebut tidak akan berlaku jika kerajaan sekarang mendengar rintihan rakyat yang disuarakan oleh pihak pembangkang sebelum ini.

Alasan warganet menuduh sedemikian apabila mereka mengatakan antara faktor kemalangan adalah jalan teruk dan kritikal di laluan Timur-Barat yang menghubungkan Gerik, Perak dan Jeli, Kelantan.

Jangan mudah melemparkan fitnah kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sendiri prihatin dan cakna dengan keselamatan rakyat yang menggunakan jalan tersebut.

Ini dibuktikan dengan kenyataan yang dikeluarkan bekas Ketua Pemuda UMNO Gerik, Mohd Rizairi Jamaluddin, yang menjelaskan keprihatinan Anwar.



MENTERI Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir dan Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek antara barisan Kabinet yang awal menziarahi ahli keluarga mangsa di Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh.

Menurutnya walaupun pelbagai tindakan telah diambil kerajaan, jalan raya itu masih kekal sebagai laluan utama bagi kenderaan berat dan bas persiaran.

"Jika diikutkan, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah mengadakan lawatan ke kawasan ini tahun lalu dan kerajaan kini telah memulakan kerja-kerja penurapan

semula.

"Namun begitu, kerja tersebut tidak melibatkan keseluruhan laluan dan kerosakan jalan masih banyak berlaku di jalan raya berkenaan," katanya.

Tambah Mohd Rizairi kerajaan sesekali tidak mengabaikan malah sentiasa mengenal pasti masalah utama di jalan Timur-Barat hubung

Gerik-Jeli.

Antaranya adalah kekurangan lampu jalan.


"Pemasangan lampu solar amat diperlukan bagi memastikan pencahayaan yang mencukupi di sepanjang laluan secara menyeluruh," katanya.

Selain itu, warganet yang cuba menyalahkan kerajaan juga harus tahu bahawa sejak tahun 2023 lagi, Anwar sudah memberi penekanan soal naik taraf jalan tersebut.

Ini bermakna, Anwar bukan sahaja prihatin ketika terdapat kes-kes kemalangan, malah mula menitikberatkan akan hal ini sewaktu awal beliau dilantik sebagai Perdana Menteri.

Terdahulu, sebuah bas persiaran membawa 42 pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dilaporkan terlibat dalam kemalangan dengan sebuah kereta Perodua Alza di Jalan Raya Timur-Barat (JRTB) berhampiran Tasik Banding, Gerik, Perak.

Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr Md Amin Md Taff menjelaskan bas persiaran berkenaan telah disewa secara persendirian oleh pelajar sempena cuti Hari Raya Aidiladha.



KUALA LUMPUR

13 - 15/6/25: Jiwa Retro @ Pasar Seni Kuala Lumpur

31/5 - 29/6/25: Festival Orkestra Kuala Lumpur @ Kuala Lumpur

21/4 - 31/8/25: Pameran Semangat Asean @ Muzium Negara



PUTRAJAYA

5/7/25: Ecotrail Putrajaya

2/8/25: Larian MAPPA XX 2025 Putrajaya @ Dataran Putrajaya

22/10/25: Sambutan Hari Penguatkuasa PPJ @ Dataran Putrajaya



LABUAN

26 - 30/7/25: Borneo Flora Festival @ Labuan 2025 @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

26-28/9/25: Borneo Art Festival @ Ujana Kewangan

19/11/25: Remembrance Day @ War Memorial

TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM): **999**

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**



Mempersembahkan

FESTIVAL ORKESTRA KUALA LUMPUR

31 Mei-29 Jun
2025

Menampilkan:

Orkestra Kuala Lumpur
China Philharmonic Youth Orchestra
Siam Sinfonietta
Tokyo Symphony Orchestra
Marktoberdorf Youth Wind Orchestra
dan banyak lagi..

IMBAS UNTUK PENDAFTARAN
DAN MAKLUMAT LANJUT



Tubuh pasukan petugas khas kaji kandungan akta DBKL PERHALUSI PELAKSANAAN URA

AZLAN ZAMBRY

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan menubuhkan pasukan petugas khas bagi memperhalusi pelaksanaan Akta Pembaharuan Bandar (Urban Renewal Act, URA) yang bakal dikuatkuasakan tidak lama lagi, kata Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif**.

Katanya pasukan tersebut akan memainkan peranan penting dalam memberi panduan serta menyokong pemilik hartanah yang terlibat dengan projek pembaharuan bandar khususnya di kawasan perumahan lama dan usang sekitar ibu negara.

"Pasukan petugas ini akan mengkaji kandungan akta yang dicadangkan serta mengenal pasti pendekatan terbaik untuk membantu pemilik dan pemaju hartanah yang berminat menyertai inisiatif pembangunan semula ini," katanya semasa berucap dalam forum anjuran REHDA Institute pada Selasa.

Menurutnya DBKL akan bekerjasama dengan pelbagai golongan profesional bagi memastikan proses pembangunan semula berjalan lancar dan mengambil kira hak serta kebajikan semua pihak terlibat.

"Kita di DBKL akan berperanan sebagai fasilitator membantu, bukan memaksa. Paling penting, inisiatif pembangunan semula mesti datang daripada pemilik sendiri. Pemaju seharusnya menjadi pihak terakhir yang terlibat," tegas beliau.

Akta Pembaharuan Bandar yang digerakkan oleh Kementerian



MAIMUNAH (tengah) bersama barisan penganjur dan panel dalam Lunch Forum anjuran REHDA Institute bertemakan 'Resilient Cities, Sustainable Futures'.

Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bertujuan menggantikan undang-undang sedia ada yang dianggap lapuk dalam menangani isu kawasan perumahan lama, uzur dan berisiko di bandar-bandar utama, termasuk di Kuala Lumpur.

Walau bagaimanapun, cadangan pelaksanaan akta tersebut turut mencetuskan kebimbangan dalam kalangan kumpulan masyarakat sivil dan parti pembangkang yang berpandangan ia berpotensi menjejaskan penduduk berpendapatan rendah khususnya dari segi kemampuan memiliki semula unit perumahan pasca pembangunan.

Terdahulu Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan bahawa URA tidak akan digunakan untuk memaksa pemilik menyerahkan hartanah

mereka atau mengubah komposisi etnik sesebuah kawasan kejiranan.

"Kerajaan menjamin tidak akan berlaku pengambilan paksa unit rumah milik penduduk, malah setiap proses pembaharuan bandar akan melalui rundingan dan persetujuan bersama," kata Perdana Menteri.

Sementara itu, DBKL akan mempergiatkan sesi libat urus dengan pemilik hartanah, penduduk dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi memastikan maklumat mengenai peranan, manfaat dan perlindungan di bawah URA dapat difahami sepenuhnya sebelum sebarang projek dilaksanakan.

Pakar-pakar perbandaran melihat langkah penubuhan pasukan petugas ini sebagai isyarat komitmen DBKL untuk bertindak proaktif dalam memastikan pelaksanaan URA dibuat secara telus. 

KL terajui agenda Bandar Mampan Serantau

KUALA Lumpur bakal memainkan peranan utama dalam mengetuai wacana dan kerjasama serantau ke arah pembangunan bandar mampan apabila menjadi tuan rumah kepada tiga acara besar ASEAN pada Ogos ini, sempena Kepengerusan ASEAN yang kini disandang Malaysia.

Perkara itu diumumkan Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif** ketika menyampaikan ucapan dalam forum anjuran REHDA Institute bertajuk 'Resilient Cities, Sustainable Futures' baru-baru ini.

Menurut beliau ibu negara bakal menjadi tuan rumah kepada ASEAN Sustainable Urbanisation Forum, Mesyuarat Gabenor dan Datuk Bandar Ibu Kota ASEAN, serta Forum Datuk Bandar ASEAN yang akan berlangsung dari 10 hingga 15 Ogos ini.

"Ini adalah peluang strategik untuk Kuala Lumpur mengetuai perbincangan serantau berkaitan masa depan bandar dari aspek keterangkuman, kemampanan hingga ke tadbir urus bandar yang berdaya tahan," tegasnya.

Maimunah menjelaskan bahawa acara ini bakal menghimpunkan pemimpin bandar dari seluruh Asia Tenggara dalam platform bersama bagi berkongsi pendekatan terbaik ke arah pembangunan inklusif, hijau dan moden pasca pandemik.

"Kita mahu suara bandar menjadi sebahagian penting dalam membentuk dasar

ASEAN. Bandar-bandar seperti Kuala Lumpur, Jakarta, Bangkok dan Manila adalah nadi kepada pertumbuhan serantau. Maka suara kita perlu didengari," katanya.

Sebagai bekas Pengarah Eksekutif UN-Habitat, beliau berkata bandar bukan sekadar penyumbang kepada perubahan iklim dan sisa pepejal, tetapi juga pemangkin kepada 80 peratus keluaran ekonomi dunia, justeru peranannya harus dimartabatkan.

Maimunah turut menekankan bahawa Kuala Lumpur kini sedang melalui transformasi menyeluruh daripada sebuah bandar yang boleh didiami kepada sebuah bandar yang disayangi.

Perubahan ini digerakkan melalui pelaksanaan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040) dan Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040, yang mula berkuat kuasa pada 11 Jun ini.

"Kedua-dua dokumen tersebut menjadi asas penting kepada strategi pembangunan mampan jangka panjang DBKL.

"Pembangunan bukan semata-mata soal fizikal. Ia mesti menyuburkan empati, keterangkuman, dan identiti bersama. KL bukan hanya perlu cepak, tetapi mesti berperikemanusiaan," katanya.

DBKL kini melaksanakan 15 program utama melibatkan mobiliti pintar, penyesuaian iklim, pemulihan kawasan sungai, perumahan inklusif dan transformasi digital. 

Mohon lesen sah tanpa ejen

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengumumkan pelaksanaan Inisiatif Pemutihan Penjaja Tahun 2025 sebagai usaha berterusan membina ekosistem penjaja yang sah, tersusun dan inklusif di ibu kota sekali gus membuka peluang kepada penjaja tempatan mendapatkan lesen sah secara lebih mudah dan telus.

Inisiatif ini menyasarkan dua kategori utama iaitu Penjaja Beredar Tanpa Kenderaan dan Penjaja Sementara, membolehkan para penjaja yang memenuhi syarat ditetapkan memohon lesen bagi menjalankan aktiviti secara sah dan berdaftar di kawasan yang dibenarkan.

Menurut kenyataan rasmi yang dikeluarkan DBKL, semua permohonan akan dinilai berdasarkan kriteria penting seperti lokasi penjajaan yang dimohon dan jenis aktiviti yang dijalankan. Hanya aktiviti yang mematuhi



PENGUAT kuasa DBKL menjalankan operasi penguatkuasaan terhadap peniaga yang meletak halangan dan peralatan di laluan awam tanpa kebenaran.

syarat lesen akan dipertimbangkan, manakala keputusan DBKL adalah muktamad dan tidak boleh dirayu semula.

"Permohonan lesen perlu dikemukakan terus kepada DBKL tanpa melalui mana-mana orang

tengah, ejen atau agensi luar. DBKL tidak pernah melantik mana-mana pihak ketiga untuk menguruskan permohonan lesen bagi pihak pemohon," tegas kenyataan itu.

Bagi mengelakkan penipuan atau penyalahgunaan nama DBKL,

orang ramai diingatkan agar tidak terpedaya dengan mana-mana individu yang mendakwa mewakili pihak berkuasa tempatan dalam urusan permohonan lesen. Semua urusan hanya boleh dilakukan di Kaunter Lesen Berpusat, Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan, Tingkat 5, Menara DBKL 2, Jalan Raja Laut, pada waktu urusan rasmi.

Antara dokumen penting yang perlu disertakan termasuk salinan kad pengenalan, maklumat lengkap aktiviti penjajaan dan dokumen sokongan lain bergantung kepada kategori permohonan.

Tarikh tutup permohonan ditetapkan pada 30 Jun 2025, dan DBKL menyeru semua penjaja yang layak agar merebut peluang ini segera bagi memastikan proses permohonan dapat dilaksanakan secara teratur dan efisien.

Langkah pemutihan ini dilihat sebagai sebahagian daripada

usaha DBKL untuk menangani isu penjajaan tanpa lesen yang berleluasa di ibu negara, sekali gus memastikan kawasan bandar dikawal dengan lebih sistematik, bersih dan mesra perniagaan.

DBKL turut menegaskan komitmennya dalam melindungi kepentingan penjaja sah di bawah kerangka undang-undang dan dasar perbandaran yang progresif serta inklusif.

Sebelum ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa memberikan tempoh empat bulan kepada DBKL untuk melaksanakan proses pemutihan secara menyeluruh ke atas penjaja tidak berlesen di ibu negara sebagai sebahagian daripada pelaksanaan inisiatif Lestari Niaga sekali gus memastikan sistem perniagaan mikro di Kuala Lumpur kekal tertib, adil dan berlandaskan peraturan yang jelas. 



ZALIHA mempengerusikan Mesyuarat MPPWP Peringkat Pusat buat kali pertama tahun ini.

Pantau pelaksanaan projek pembangunan

MPPWP PERLU JADI 'SEMAK, IMBANG'

AZLAN ZAMBRY

MAJLIS Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) disaran memainkan peranan yang lebih berkesan sebagai komponen semak dan imbang terhadap pelaksanaan dasar serta operasi pihak berkuasa tempatan (PBT) di Wilayah Persekutuan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa** berkata kerjasama erat antara MPPWP dan PBT penting bagi memastikan segala agenda dan inisiatif kerajaan bukan sahaja sampai ke peringkat akar umbi, malah benar-benar menyentuh keperluan rakyat di setiap kawasan.

"MPPWP perlu menjadi suara rakyat yang bukan hanya menyampaikan maklum balas, tetapi turut memantau dan menyemak pelaksanaan dasar serta projek pembangunan yang sedang berjalan.

"Ini bagi memastikan ketelusan, keberkesanan dan keberlanjutan setiap program kerajaan," katanya

ketika mempengerusikan Mesyuarat MPPWP Peringkat Pusat buat kali pertama tahun ini.

Mesyuarat tersebut melibatkan semua wakil dari 13 kawasan Parlimen di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Zaliha turut merakamkan penghargaan kepada barisan kepimpinan terdahulu atas komitmen mereka serta mengucapkan tahniah kepada barisan baharu yang telah dilantik menerajui majlis tersebut.

Beliau turut menghargai sokongan berterusan MPPWP terhadap pelaksanaan Program Usaha Jaya Insan (PUJI) yang menjadi antara tonggak utama dalam membasmi miskin tegar di Wilayah Persekutuan.

"MPPWP merupakan barisan hadapan yang memahami denyut nadi rakyat. Oleh itu, peranan mereka dalam menjayakan PUJI amat penting bagi memastikan bantuan disalurkan tepat kepada golongan sasar," katanya.

Dalam pada itu, beliau dimaklumkan bahawa sebanyak 12 projek sedang dilaksanakan di bawah Program SejaTi MADANI yang dipantau oleh MPPWP di pelbagai lokasi Wilayah Persekutuan.

Untuk itu beliau menyeru agar MPPWP memastikan pelaksanaan projek-projek ini berjalan dengan lancar, mematuhi jadual dan memberi impak jangka panjang kepada komuniti setempat.

"MPPWP bukan sekadar menjadi pemerhati, tetapi perlu bertindak sebagai pemantau rakyat yang prihatin. Ini termasuk memastikan projek SejaTi MADANI benar-benar menepati keperluan setempat dan tidak terhenti separuh jalan," tambahnya.

Beliau menegaskan bahawa keterlibatan aktif MPPWP dalam proses pembangunan tempatan mencerminkan aspirasi kerajaan untuk membina Wilayah Persekutuan yang progresif, inklusif dan berdaya saing, sejajar dengan semangat Malaysia MADANI.

YWP, YIM ganding bahu

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) terus memberi fokus dalam membantu golongan berpendapatan rendah (B40) di sekitar ibu kota berdasarkan lima kluster utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T).

Selain mengadakan kerjasama dalam menaik taraf pendidikan anak-anak, YWP turut mengadakan kerjasama bagi pembangunan inovasi teknologi yang inklusif.

Justeru, Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif YWP, **Dr Abdul Basir V Kunhimohamed** mengetuai kunjungan hormat ke atas Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), Dr Sharmila Mohamed Salleh di ibu pejabat YIM baru-baru ini.

Abdul Basir berkata sesi kunjung hormat tersebut mempamerkan kesungguhan, tanda sokongan dan komitmen bersama dalam memperkukuhkan jalinan kerjasama strategik antara kedua belah pihak.

"Antara perkara yang dibincangkan dalam sesi ini termasuklah platform untuk mengenal pasti, membangunkan dan memadankan pembiayaan bagi pembangunan inovasi khususnya dalam mempromosi serta memupuk inovasi akar umbi yang berpotensi untuk dikomersialkan," katanya.

Mengulas lanjut, Abdul Basir berkata beberapa perbincangan lain turut diadakan dalam mengukuhkan lagi kerjasama strategik ini.

"Perbincangan juga menyentuh Program Pembiayaan Inovasi, inisiatif di bawah MYIS Inovasi Sosial (PERINTIS & AKAR UMBI), inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) - MAGRIS, Program Ruang Daya Cipta (*Innovation Makerspace*) dan Konvensyen Inovasi Sosial (KIS) yang ditawarkan oleh YIM.

"YWP menawarkan kerjasama dalam bidang pendidikan, pembangunan ekonomi dan sosial, program agama, peningkatan tahap penguasaan digital serta pembangunan PREPKOM tambahan di Kuala Lumpur dan Labuan," jelasnya.

Tambahnya perbincangan lanjut akan diadakan bagi memperkemas cadangan kerjasama sebelum menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU).

"Hubungan erat ini juga diharapkan dapat terus diperkukuh melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif berimpak tinggi, sejajar dengan aspirasi kerajaan untuk membina masyarakat berdaya cipta, berdaya saing dan celik teknologi.

"YWP dan YIM komited untuk berganding bahu dalam memperkasa pembangunan inovasi teknologi yang inklusif, mampan dan memberi manfaat langsung kepada rakyat, terutamanya dalam mendepani cabaran ekonomi dan sosial masa kini," katanya.

Dalam pada itu, Abdul Basir turut mengalu-alukan semua pihak kerajaan mahupun swasta untuk menjalinkan kerjasama dalam merealisasikan objektif penubuhan yayasan tersebut.



ABDUL BASIR (empat dari kiri) mengetuai delegasi YWP ketika kunjungan hormat ke atas Sharmila di ibu pejabat YIM.

Masuk percuma di 10 Memorial Negarawan

SEBANYAK 10 buah Memorial Negarawan dibuka secara percuma kepada orang ramai sepanjang tahun sempena Sambutan Minggu Arkib Antarabangsa 2025.

Menteri Perpaduan Negara, **Datuk Aaron Ago Dagang** berkata inisiatif tersebut bertujuan merakamkan sejarah dan mendekatkan masyarakat, khususnya generasi muda, dengan warisan kepemimpinan negara.

"Tema sambutan tahun ini, 'Arkib Boleh Diakses, Arkib Untuk Semua', sangat bertepatan dengan aspirasi Kerajaan MADANI untuk memastikan sejarah dan dokumen negara dapat diakses dengan mudah oleh semua lapisan masyarakat," katanya.

Aaron berkata sambutan ini bukan sahaja meraikan jasa dan komitmen warga arkib, tetapi juga mengajak seluruh rakyat

mendekati khazanah sejarah negara yang menjadi teras kepada jati diri dan perpaduan nasional.

"Arkib ialah penjaga memori bangsa. Ia bukan hanya menyimpan sejarah negara, malah menyatukan naratif semua komuniti di Malaysia daripada perjuangan kemerdekaan, pembinaan negara, sehingga kepada usaha memperkukuh integrasi nasional hari ini.

"Tanpa arkib, sejarah akan hilang, identiti akan kabur dan perpaduan akan pudar. Justeru, kita mesti terus menyokong institusi arkib dan memperkasakan nilai sejarah sebagai milik semua.

"Selain itu, kementerian juga menyokong penuh usaha inisiatif Arkib Komuniti dan dokumentasi tempatan termasuk sejarah lisan masyarakat Orang Asli, etnik Sabah dan Sarawak, serta

minoriti budaya yang membantu memperluas naratif sejarah kita agar lebih inklusif dan adil.

"Sempena Minggu Arkib Antarabangsa ini, marilah kita bersama-sama memanfaatkan khazanah sejarah negara, menyemai rasa cinta tanah air dan memperkukuh semangat perpaduan melalui penghayatan kepada perjuangan masa lalu," katanya.

SEPERTI KERA DAPAT BUNGA

KU SEMAN KU HUSSAIN

KEGILAAN apakah yang melanda sesetengah dalam kalangan pengguna media kita? Lihatlah bagaimana sebahagian besar dalam golongan itu dengan sewenang-wenangnya membelakangkan nilai yang menjadi pegangan hidup bermasyarakat. Mereka telah hilang rasa terhadap hak privasi orang lain kerana terlampau mengejar 'like' dan 'share' di media sosial.

Seolah-olah hidup sudah tidak dilingkari peraturan dan undang-undang. Apa sahaja yang melintas di depan mata semuanya dirakam dan disebar di media sosial. Tujuannya hanya satu, mengejar rating. Matlamat hidup mereka hanya ditentukan oleh jumlah 'like' dan 'share'.



PENULIS BEBAS

Demikianlah kehancuran yang berlaku dalam masyarakat yang terpasung dengan kejutan budaya teknologi baharu. Terkejut dengan keupayaan berhubung melalui jaringan sosial dari seluruh pelosok dunia, dan media sosial hanya mengajar mereka tentang 'like' dan 'share'.

Disebabkan dua perkara itu, pengguna media sosial yang tidak berakal – sekalipun menggunakan telefon pintar yang canggih lebih mendatangkan mudarat berbanding manfaat. Telefon pintar tidak akan menjadikan pemiliknya berakal kecuali menggunakan keupayaan berfikir sebagai manusia yang menghormati etika.

Sebenarnya keadaan tidak berakal itu menjadikan mereka tidak pernah fikir tentang orang lain. Tidak fikir tentang hak-hak orang lain yang tidak boleh diceroob, misalnya menggunakan gambar orang lain untuk membina naratif yang buruk. Tidak fikir tentang orang lain yang terkesan dengan tindakan tidak berakal mereka.

Semua manusia mempunyai hak privasi yang perlu dilindungi dan ahli masyarakat semestinya menghormati dan mengerti akan hak itu. Tidak boleh sewenang-wenangnya menceroob atas alasan apa sekalipun, apatah lagi untuk dijadikan kandungan (*content*) media sosial.

Fenomena pengguna media sosial yang

tidak beretika khususnya dalam merakam gambar atau video individu lain tanpa izin bukan sekadar pelanggaran hak privasi, tetapi merupakan satu penyakit sosial. Mereka memberi ancaman kepada individu lain melalui teknologi media sosial yang sepatutnya memperkukuh hubungan sosial.

Teknologi adalah alat yang tentunya boleh sahaja mendatangkan kesan yang buruk atau baik. Hal itu bergantung kepada bagaimana alat itu dimanfaatkan. Kehancuran yang berlaku sekarang datang dari tangan individu yang tidak berakal. Tanpa akal mereka tidak bijaksana dalam membuat sesuatu tindakan.

Merakam dan menyiarkan gambar atau video tanpa persetujuan merupakan satu pelanggaran hak privasi yang sangat serius. Privasi adalah hak asasi manusia yang paling asas, sebuah ruang di mana individu dapat menjadi diri sendiri tanpa takut dieksploitasi.

Apabila ruang itu diceroob atau dilanggar oleh lensa kamera telefon pintar dan disebarkan kepada umum implikasinya boleh menjadikan mangsa mengalami rasa malu, cemas, trauma, bahkan kemurungan. Mereka sudah hilang kawalan terhadap naratif diri sendiri.

Misalnya sebuah video yang dirakam secara sembunyi, mungkin dalam keadaan yang memalukan boleh menghantui mangsa hingga bertahun-tahun. Tidak sahaja itu menanggung malu tetapi seolah-olah hilang harga diri. Kepada mereka yang menjaga peribadi, hilang harga diri adalah mati sebelum kematian yang sebenar.

Gambar atau video yang disebarkan tanpa konteks, atau dengan konteks yang dipesonkan boleh merosakkan reputasi seseorang secara kekal. Hal itu boleh menyebabkan hilang pekerjaan, putusnya hubungan keluarga dan menjadi sasaran buli siber. Kesan itu sering kali tidak sepadan dengan tindakan 'remeh' oleh pengguna media sosial.

Insiden yang berlaku di depan mata terutama yang sensasi, perbalahan suami isteri misalnya cepat tular di media sosial. Perkara itu dilakukan oleh pengguna yang tidak beradab kerana menyebar sesuatu yang tidak sepatutnya. Tidak ada dalam budaya mana-mana masyarakat yang mewajarkan perbuatan menceroob hal bersifat peribadi seperti itu.



Ironinya, perkara itulah yang berlambak di media sosial. Salah satunya disebabkan oleh pengguna media sosial yang tidak berakal, lebih merosakkan teknologi untuk membina rangkaian sosial yang sihat. Pengguna yang tidak beradab juga dengan bebas memberikan reaksi-reaksi yang memperlihatkan tahap pemikiran yang amat rendah.

Bebas menyiarkan atau melontarkan reaksi-reaksi yang melanggar hak orang lain bukanlah bebas daripada undang-undang. Itulah buruknya pengguna yang berangan-angan menjadi popular, tetapi tidak mampu mencipta kandungan yang baik. Sebaliknya menunggu aksi-aksi manusia lain yang melintas di depan mata.

Kisah pertelagahan suami isteri di depan sebuah pasar raya baru-baru ini menjadi tular disebabkan pengguna media sosial. Kalau mereka berakal, paparan itu terhenti dalam lingkaran yang kecil sahaja. Tetapi hal yang seremeh itu menjadi tular apabila sebahagian besar pengguna media sosial turut meluaskan lingkaran itu.

Sekalipun kejadian yang berlaku itu hanya lakonan untuk mempromosi pasar raya berkenaan, sekiranya pengguna media sosial kita berakal, promosi yang jelik itu tidak menjadi tular. Walau bagaimanapun akhirnya 'satu Malaysia' dipermainkan oleh keterujaan pengguna media sosial yang lapar 'like'.

Sepatutnya masing-masing menggunakan kuasa solidariti untuk memulaukan paparan yang mendedahkan keaiban pasangan berkenaan. Biarlah kalau ada yang memilih bergaduh di depan umum, abaikan sahaja. Itulah cara bertindak orang yang berakal.

Cerdik pandai Melayu dahulu kala ada berpesan supaya jangan memberi bunga kepada kera. Mereka mengamati tabiat kera yang tidak boleh menghayati sesuatu yang indah dan berharga. Kalau diselidiki ciri-ciri itu, banyak juga pengguna media sosial yang meminjam sifat kera.

Malah disebabkan banyak yang seperti 'kera dapat bunga' maka rosaklah 'bunga' iaitu media sosial yang boleh digunakan untuk hal yang membangunkan masyarakat.

Platform seperti Facebook, Instagram, TikTok, dan Twitter (kini X) menawarkan kebebasan tanpa batas kepada setiap pengguna. Sekalipun begitu, kebebasan mesti dimanfaat dengan tanggungjawab dan etika. Tujuannya supaya kebebasan itu tidak mendatangkan keburukan.

Maka perlu ditekankan bahawa teknologi media sosial itu sendiri tidak menjadikan masyarakat hilang etika. Pihak yang merosakkan peranan teknologi adalah sesetengah dalam kalangan masyarakat yang menyalahgunakan kemudahan teknologi itu.

Semakin tinggi kemajuan teknologi maka semakin terdedah pada jurang hal etika dan kesedaran sivik dalam kalangan masyarakat. Inilah buktinya bahawa tanpa pengguna yang beretika, kemajuan teknologi hanya menjadi pemangkin kepada kemusnahan sosial.

Seperti semua teknologi lainnya, media sosial amat memerlukan pengguna yang bijaksana dan beretika. Perilaku tidak beretika seperti merakam dan menyebarkan gambar individu tanpa izin bukanlah disebabkan oleh kelemahan teknologi. Sebaliknya masa depan teknologi yang bermanfaat terletak pada kualiti manusia yang mengendalikannya.

Segala pelanggaran sosial dan moral yang berlaku di media sosial sekarang ini adalah cerminan kegagalan kita sebagai ahli masyarakat. Kita gagal membina dan menegakkan nilai-nilai yang asas, rasa hormat, privasi, empati dan tanggungjawab. Terlalu banyak 'kera' yang merosakkan peranan sebenar media sosial.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

RAGAM KOTA

MATOMATO



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera:
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.
 Tel: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com



Bil 317 . 13-19 JUN 2025



Bariatrik: Mitos atau berkesan?

►►10-11

BUKAN JALAN PINTAS, MANFAAT KESIHATAN YANG TERBUKTI

SABRINA SABRE & DIANA AMIR

DALAM era media sosial yang menyanjung tubuh ideal, pembedahan bariatrik sering disalahertikan dan kadangkala dilabel sebagai 'jalan pintas' untuk kelihatan kurus.

Namun tanggapan ini tidak tepat. Menurut pakar kesihatan, pembedahan bariatrik adalah satu bentuk rawatan perubatan yang serius dan terbukti berkesan untuk menangani masalah obesiti serta komplikasi kesihatan yang berkaitan.

Data daripada Kementerian Kesihatan (KKM) menunjukkan kadar obesiti dalam kalangan rakyat Malaysia terus meningkat saban tahun.

Obesiti bukan sahaja meningkatkan risiko penyakit kronik seperti diabetes jenis 2, darah tinggi, penyakit jantung dan strok, tetapi turut menyumbang kepada masalah kesihatan mental, pergerakan terbatas dan penurunan kualiti hidup secara keseluruhan.

Pembedahan bariatrik merujuk kepada prosedur pembedahan pada sistem penghadaman untuk membantu pesakit obesiti menurunkan berat badan.

Ia termasuk teknik seperti sleeve gastrectomy, gastric bypass dan gastric banding, yang bertujuan mengurangkan saiz perut atau mengubah laluan sistem pencernaan supaya pesakit makan dalam kuantiti lebih kecil dan cepat kenyang.

Menurut Pengamal Perubatan, **Dr Amalina Ahmad Azmy**, tanggapan masyarakat bahawa pembedahan ini dilakukan untuk



tujuan kosmetik adalah silap dan perlu diperbetulkan.

"Ramai pesakit datang bukan

sebab mereka nak nampak kurus. Mereka datang sebab mereka dah tak larat. Ada yang bergantung kepada empat hingga lima jenis ubat setiap hari, ada yang tak boleh tidur lena kerana 'sleep apnea' dan ada yang sendi lututnya rosak akibat berat badan berlebihan.

"Bila kita cadangkan pembedahan bariatrik, ia bukan cadangan mudah, ia datang selepas penilaian menyeluruh oleh doktor, pakar pemakanan dan psikologi," jelasnya kepada Wilayahku.

Tambah beliau keputusan untuk menjalani pembedahan ini bukan satu keputusan impulsif.

"Pesakit perlu melalui sesi kaunseling, penilaian mental dan fizikal serta bersedia untuk mengubah gaya hidup mereka selepas pembedahan. Ini bukan magik. Pembedahan hanyalah alat, bukan penyelesaian mutlak. Pesakit perlu komited terhadap perubahan jangka panjang," katanya.

Amalina berkata pembedahan bariatrik terbukti secara saintifik bukan sahaja membantu dalam penurunan berat badan malah dapat menstabilkan kadar gula dalam darah, menurunkan tekanan darah tinggi, mengurangkan kolesterol dan meningkatkan kadar kesuburan.

"Malah, ramai pesakit diabetes jenis 2 yang menjalani pembedahan ini tidak lagi memerlukan insulin dalam tempoh beberapa minggu selepas prosedur.

"Dalam kes pesakit diabetes yang mengalami obesiti, rawatan konvensional kadangkala gagal memberikan kawalan gula darah yang memuaskan.

"Dengan pembedahan bariatrik, kami melihat pengurangan drastik dalam keperluan ubat, malah ada yang mencapai 'remission' di mana gula darah mereka kembali normal tanpa rawatan," katanya.

Selain itu, beliau berkata rawatan ini bukan hanya memberi kesan kepada fizikal, tetapi juga kepada emosi dan sosial pesakit.

"Ramai pesakit menjadi lebih aktif, lebih yakin dan kembali ke tempat kerja atau aktiviti sosial yang selama ini mereka jauhi. Kesannya sangat mendalam. Mereka bukan sahaja kurus, tetapi sihat dan itu yang paling penting," katanya.

KEPERLUAN PENDIDIKAN DAN KESEDARAN

SATU halangan besar yang dihadapi oleh ramai pesakit adalah stigma masyarakat terhadap pembedahan bariatrik. Ramai yang takut dikatakan 'malas', 'nak jalan

mudah' atau 'tak cukup kuat untuk diet dan senaman'.

Menurut Amalina, stigma ini sangat merugikan selain menambah beban emosi kepada pesakit yang sedang berusaha memperbaiki diri.

"Kita tak pernah malu bila pesakit perlu buat pembedahan jantung atau rawatan dialisis. Tapi kenapa bila seseorang perlukan pembedahan untuk menangani obesiti yang juga satu penyakit kronik, kita cepat menghakimi? Sudah tiba masanya kita ubah cara kita melihat obesiti sebagai isu kesihatan, bukan kegagalan peribadi.

"Pembedahan bariatrik bukan jalan pintas, bukan pilihan mudah dan bukan semata-mata untuk cantik. Ia adalah salah satu bentuk rawatan perubatan yang sah dan berkesan bagi mereka yang telah lama bergelut dengan obesiti dan komplikasi kesihatan," katanya.

Tambahnya dengan sokongan perubatan yang menyeluruh dan kesedaran masyarakat yang meningkat, lebih ramai individu berpeluang untuk bukan sekadar menurunkan berat badan tetapi untuk mendapatkan kembali kehidupan yang lebih sihat dan bermakna. 





Ada yang dapat nasihat doktor

MASIH ramai yang beranggapan mereka yang melakukan pembedahan bariatrik atau 'pemotongan usus' adalah semata-mata untuk kelihatan kurus dengan kadar yang cepat sehingga ada yang memandang serong terhadap individu-individu tersebut.

Namun tidaklah semua yang melakukan pembedahan tersebut hanya untuk mengurangkan berat badan kerana sesetengah kes disarankan oleh doktor atas beberapa faktor kesihatan.

Berkongsi pengalamannya, **Nur Syahida Othman**, 35, berkata dia mengambil keputusan melakukan pembedahan tersebut selepas mendapat nasihat doktor susulan beberapa masalah

kesihatan dihadapinya.

"Saya memang gemuk sejak lahir dan ada masalah gerd, hiatal hernia serta gastrik yang kronik.

"Jadi doktor nasihatkan saya melakukan pembedahan itu bagi mengawal semua masalah kesihatan tambahan pula saya disahkan menghadapi obesiti tahap 3.

"Saya ada ambil suplemen, diet dan banyak lagi cara telah dilakukan untuk kurus tapi berat badan saya lambat turun dan untuk mengurangkan risiko kesihatan saya buat keputusan untuk jalani pembedahan," katanya.

Tambahnya keputusan tersebut juga diambil sebagai salah satu usaha untuk

mendapatkan zuriat setelah tiga tahun perkahwinan.

Nur Syahida berkata kini keadaannya sudah jauh lebih baik dengan berat badan yang berkurangan.

"Selepas dua bulan pembedahan saya nampak perubahan terutama berat saya sudah turun ke 80 kilogram (kg) dan lima bulan selepas itu saya berjaya capai 77kg.

"Sebenarnya kurus itu bonus tapi paling penting bagi saya adalah penyakit sedia ada boleh dikawal atau pulih sepenuhnya," katanya kos keseluruhan pembedahan memerlukan kira-kira RM30,000.

Sementara itu, **Muhammad Naim Muhammad**, 32, berkata

dia berjaya mengurangkan berat badan sebanyak 44kg selepas jalani pembedahan bariatrik.

"Selain pembedahan, saya juga ubah *lifestyle* dan pemakanan saya untuk mengelakkan berat badan naik semula. Dengan saranan doktor juga saya melakukan senaman ringan, pergi ke gym dan sebagainya untuk lebih menjaga kesihatan.

"Bariatrik bukan jalan pintas untuk kurus dan saya percaya mereka yang mengambil keputusan untuk jalani pembedahan itu disebabkan faktor kesihatan dan saranan doktor juga," katanya yang sebelum ini pernah mencecah berat sehingga 120kg.

Muhammad Naim berkata selepas jalani pembedahan, dia tidak lagi boleh makan dalam kuantiti yang banyak.

"Selepas pembedahan kalau saya makan terlalu banyak saya akan muntah semula dan ada beberapa jenis makanan yang mungkin sebelum ini saya boleh makan tapi selepas pembedahan saya tak boleh terima.

"Itu antara beberapa kesan selepas pembedahan dan saya percaya setiap individu akan mengalami pengalaman berbeza kerana ada yang dah buat pembedahan masih mampu makan dengan banyak dan mereka perlu kawal dari segi *portion* makanan diambil," jelasnya.

Pembedahan BARIATRIK KURANGKAN RISIKO KEMATIAN AKIBAT PENYAKIT BERIKUT:

Kematian berkaitan kencing manis

↓ 72%

Kematian berkaitan penyakit kardiovaskular

↓ 29%

Kematian berkaitan kanser

↓ 43%

Sumber: Long-term all-cause and cause-specific mortality for four bariatric surgery procedures. Obesity (Silver Spring). 2023; 31(2): 571-585. doi:10.1002/oby.23646

PEMBEDAHAN PINTASAN PERUT Bukan Sekadar Kurus



80% bahagian perut akan dibuang dan hanya sebesar buah pisang ditinggalkan menyebabkan hanya sedikit makanan yang boleh diambil dan akan cepat berasa kenyang.

INDIKASI

- ✓ BMI melebihi 40.
- ✓ Melebihi 35 dan mempunyai penyakit seperti kencing manis, darah tinggi dan sleep apnea.
- ✓ Bersedia untuk melakukan perubahan cara hidup secara berterusan.

MANFAAT

- ✓ Mengurangkan berat badan berlebihan dan mengurangkan risiko penyakit.
- ✓ Jantung dan strok.
- ✓ Kencing manis dan darah tinggi.
- ✓ Sleep apnea dan GERD.



MALAYSIA AUTOSHOW 2025

TUTUP TIRAI DENGAN SAMBUTAN LUAR BIASA

SYUQQREE DAIN

MALAYSIA Autoshow 2025 (MAS 2025) menamatkan edisi paling berjaya setakat ini pada 15 Mei lalu di Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS). Berlangsung selama tujuh hari, dari 9 hingga 15 Mei, pameran dibuka 10 pagi hingga 10 malam dan kali ini mencatat kehadiran rekod 294,062 orang iaitu lonjakan hampir satu pertiga berbanding tahun lepas, sekali gus menyerlahkan minat rakyat terhadap mobiliti masa depan.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, yang menegaskan komitmen kerajaan memacu kenderaan elektrik dan teknologi hijau selaras dengan peranan Malaysia selaku Pengerusi ASEAN 2025.

Dalam ucapan penutup, beliau turut mengaitkan kejayaan MAS 2025 dengan usaha memperkukuh rantai bekalan e-mobiliti serantau dan menyediakan peluang baharu kepada perusahaan kecil serta tenaga kerja tempatan.

Lebih 200 pempamer memeriahkan

ruang 50,000 meter persegi MAEPS, diketuai jenama-jenama arus perdana seperti Perodua, Proton, Chery, Modenas dan Honda. Antara tarikan paling mendapat sorakan ialah pratonton prototaip Perodua EV iaitu model elektrik penuh pertama syarikat tempatan itu yang dijangka dilancarkan secara rasmi tidak lama lagi. Secara keseluruhan, 48 pelancaran dan pratonton model baharu dipersembahkan, manakala lebih separuh kereta yang dipamerkan terdiri daripada kenderaan elektrik, hibrid *plug-in* dan hibrid, mencerminkan peralihan nyata industri ke arah mobiliti rendah karbon.

Minat pengunjung diterjemah kepada 10,916 sesi pandu uji di litar luar, 3,194 tempahan kenderaan, 1,512 cadangan tukar beli serta 18,824 petunjuk jualan, menjana potensi transaksi bernilai RM1.72 bilion. Dengan angka sedemikian dan tumpuan umum yang semakin meningkat terhadap teknologi bersih, MAS 2025 mengukuhkan reputasinya sebagai platform automotif utama rantau ini, sekali gus meletakkan Malaysia pada kedudukan strategik untuk memimpin agenda mobiliti generasi baharu di ASEAN. 





Dijual 'panas-panas', lembut, gebu

NIKMATI 12 ANEKA ROTI

KHAIRUL IDIN

MAKANAN berasaskan roti memiliki penggemarnya yang tersendiri dengan pelbagai resipi ditampilkan bagi memikat selera ramai.

Baik sebagai sarapan mahupun minum petang, ia semakin sinonim dengan masyarakat sebagai 'alas perut' yang ringkas dan mudah.

Kini makanan berasaskan roti di pasaran, sama ada kecil-kecilan atau sebaliknya, memiliki variasi berbanding sebelumnya.

Begitu juga dengan kedai roti RS Bread & Cafe yang terletak di Jalan Tun Mustapha, Labuan yang semakin menjadi 'buah mulut' orang ramai terutama pencinta makanan.

Wilayahku berkesempatan mengunjungi RS Bread & Cafe untuk merasai sendiri keenakan roti yang dihasilkan seperti yang diperkata masyarakat di sini.

Tidak dinafikan, roti yang dihasilkan memiliki rasa yang enak, cukup berbeza jika dibandingkan dengan roti yang dijual di kedai lain.

Dengan tekstur yang lembut, keenakan ditambah lagi dengan penggunaan bahan-bahan bermutu seperti keju dan topping perisa.

Pemilikinya, **Jenny Voo**, 45, berkata pada awalnya pembuatan roti tersebut hanyalah sebagai hobi bagi mengisi masa lapang di rumah.

Bertahun berlalu, RS Bread & Cafe ketika ini menghasilkan 12 aneka roti antaranya Butter Milk, Cheese Stick, Cream Cheese, Roti Boy, Pandan Coconut, Chiffon Cake serta beberapa aneka roti lagi.

Biarpun begitu, Jenny sebelum ini menjalankan perniagaan restoran dan mula mencuba menghasilkan roti untuk makan

sendiri dan berkembang apabila mendapat permintaan ramai daripada ahli keluarga dan rakan-rakan.

Beliau mengimbau kenangan ketika waktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020 di mana semua tidak dibenarkan keluar rumah dan digunakannya mengisi masa lapang dengan belajar membuat roti.

"Saya telah membeli sebuah mesin pengadun tepung untuk membuat roti sendiri kerana suami seorang penggemar roti. Dari situlah saya mula belajar bagaimana membuat roti dan hasilnya cukup membanggakan."

"Sejujurnya memang banyak kali juga saya gagal namun disebabkan oleh minat, saya teruskan sahaja. Sehingga kini saya masih lagi belajar untuk menghasilkan roti yang enak," katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Jenny berkata resipi menghasilkan roti yang gebu, lembut, lemak dan enak awalnya dipelajari menerusi carian di Internet.

Kemudiannya beliau menambah baik dari segi bahan-bahan yang lebih berkualiti agar dapat menghasilkan roti yang memiliki rasa sedap.

"Saya mula serius membuka

perniagaan roti ini sekitar setahun yang lepas yang mana pada waktu itu saya turut dibantu dua orang pekerja yang mampu menghasilkan dua dulang setiap jenis roti.

"Kini setiap hari kami mampu menghasilkan lebih daripada 10 set dulang untuk setiap roti mengikut permintaan pelanggan."

"Bagi memenuhi permintaan pelanggan, setiap hari kami memerlukan lebih enam kilogram

tepung untuk menghasilkan roti dan akan bertambah sekiranya ada tempahan yang berkuantiti besar daripada pelanggan seperti untuk kenduri, majlis mahupun tempahan oleh syarikat-syarikat di sekitar pulau ini," katanya yang menawarkan 12 aneka roti dengan harga bermula RM2.70 hingga RM20.

Bercerita lanjut mengenai proses penyediaan roti pula, Jenny berkata beliau memulakan tugas sekitar pukul 8 pagi dengan mengadun bahan-bahan antaranya tepung, yis, telur dan marjerin.

"Kami akan mengadun menggunakan mesin pengadun untuk menghasilkan doh roti yang kemudian dibulatkan pada saiz lebih kecil secara manual bagi memastikan bentuknya elok dan cantik, dengan dibantu dua pekerja."

"Apa yang istimewanya di sini kami menggunakan mesin pengadun Thermomix yang mampu menghasilkan adunan tepung yang lebih lembut dan menghasilkan tekstur roti yang menarik."

"Roti yang kami hasilkan boleh dibeli ketika masih 'panas' secara tempahan ataupun walk-in kerana selepas siap dibakar dan dikeluarkan daripada ketuhar ia terus dijual kepada pelanggan

bermula pukul 10 pagi sehingga 2 petang.

"Kebiasaannya sekitar pukul 2 petang roti habis dijual dan kami tidak simpan roti untuk esok. Setiap hari kami membuat roti yang baharu. Setakat ini maklum balas yang kami terima, rata-rata pelanggan memaklumkan roti ini masih kekal lembut, gebu serta tahan lebih daripada dua hari jika diletakkan di dalam peti sejuk," katanya sambil tidak menyangkan dengan tempahan daripada pelanggannya yang kini kian bertambah saban hari.

Dalam pada itu, beliau berharap perniagaan roti yang diusahakannya akan terus mendapat kepercayaan daripada pelanggan dan sentiasa meletakkan prinsip untuk menjaga kualiti roti yang dihasilkan demi menjaga kepuasan pelanggan. 

Info

Rasa Sayang Station (RSS)
SU3902, Jalan Tun Mustapha,
87026, Labuan

013-881 7938 / 018-960 2361



JENNY menunjukkan antara roti yang dihasilkan di kedai roti miliknya.



PEKERJA membuat doh roti seawal pukul 8 pagi dan dijual ketika masih 'panas' kepada pelanggan.

Keselamatan siber, scam jadi kebimbangan ramai

MENUJU MASYARAKAT TANPA TUNAI

NOOR ISMAWATI JAAFAR

DALAM era digital yang serba pantas, masyarakat global semakin cenderung ke arah penggunaan sistem kewangan tanpa tunai atau *cashless society*.

Di Malaysia sendiri, fenomena ini sedang berkembang pesat

– daripada perbankan Internet, penggunaan kad debit dan kredit, hinggalah kepada aplikasi e-dompet seperti Touch 'n Go eWallet, Boost, GrabPay dan DuitNow.

Tetapi, adakah semua ahli masyarakat mempunyai capaian

kepada kemudahan ini? Sebagai contoh, Encik Halim, seorang pesara kerajaan berusia 72 tahun, baru sahaja membawa cucunya ke klinik di Kuala Lumpur. Setelah meletakkan keretanya di petak parkir, beliau mencari mesin tiket parkir seperti yang biasa digunakan dahulu. Namun, beliau tidak menjumpainya. Sebaliknya, hanya terdapat papan tanda yang menunjukkan arahan: "Sila buat bayaran parkir melalui aplikasi e-dompet: Touch 'n Go eWallet / Boost / Flexi Parking."

Encik Halim kebingungan. Beliau tidak mempunyai telefon pintar, apatah lagi memuat turun aplikasi e-dompet. Beliau cuba bertanya kepada orang sekeliling, tetapi kebanyakan mereka terlalu sibuk.

Akhirnya, beliau terpaksa meminta bantuan cucunya untuk menggunakan telefon mereka bagi membayar parkir. Namun, cucunya juga tidak pasti aplikasi mana yang sesuai digunakan. Dalam kekalutan itu, masa berlalu dan beliau akhirnya menerima saman kerana lewat membuat pembayaran parkir.

Bank Negara Malaysia (BNM) telah menyasarkan agar Malaysia menjadi sebuah ekonomi digital yang berdaya saing, dan masyarakat tanpa tunai adalah salah satu tonggak utama dalam transformasi tersebut.

Namun begitu, di sebalik pelbagai kemudahan yang ditawarkan, masyarakat tanpa tunai turut mencetuskan beberapa cabaran yang tidak wajar dipandang ringan.

KEMUDAHAN TANPA SEMPADAN

ANTARA kelebihan utama sistem tanpa tunai ialah kemudahan dan kelajuan transaksi. Dengan hanya satu imbasan kod QR atau sentuhan

kad, urusan pembayaran dapat diselesaikan dalam beberapa saat.

Ini sangat memudahkan pengguna ketika membeli barangan, membayar tol, tambang pengangkutan awam dan pelbagai perkhidmatan lain.

Selain itu, penggunaan sistem digital turut mengurangkan risiko kecurian wang fizikal. Pengguna tidak lagi perlu membawa wang tunai dalam jumlah besar yang boleh mengundang risiko jenayah.

Dalam konteks perniagaan pula, transaksi yang direkodkan secara automatik memudahkan pengurusan kewangan serta menyokong urusan niaga yang telus dan dapat diaudit.

Lebih penting lagi, sistem tanpa tunai berpotensi menyokong pertumbuhan ekonomi digital. Usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang mewakili lebih 96% daripada jumlah perniagaan di Malaysia, kini mempunyai lebih banyak akses kepada pasaran melalui platform e-dagang dan pembayaran elektronik.

Ini sekali gus menyumbang kepada peningkatan pendapatan

isi rumah dan menjana peluang pekerjaan baharu di samping meningkatkan inovasi dalam perniagaan.

CABARAN DI SEBALIK KEMAJUAN

NAMUN, seiring dengan kemajuan tanpa tunai, timbul beberapa cabaran yang membimbangkan.

Antara isu utama ialah keselamatan siber, kebocoran data, penipuan dalam talian (*scam*) dan penggodaman sistem boleh menjejaskan keyakinan pengguna terhadap penggunaan sistem digital tanpa tunai ini.

Insiden kecurian maklumat kad dan penyalahgunaan akaun e-dompet merupakan contoh nyata bahawa ancaman siber tidak boleh diambil ringan.

Tambahan pula, tidak semua lapisan masyarakat bersedia untuk beralih sepenuhnya kepada sistem tanpa tunai.

Golongan warga emas, masyarakat luar bandar, serta mereka yang kurang celik teknologi mungkin berdepan kesukaran dalam menyesuaikan diri.

Jika tiada pendekatan yang

inklusif, wujud risiko 'jurang digital' yang boleh menyebabkan sesetengah pihak tersisih daripada arus pembangunan seperti yang dialami oleh Encik Halim.

Kebergantungan yang tinggi kepada teknologi juga mencetuskan kerisauan. Gangguan pada sistem perbankan atau rangkaian Internet boleh melumpuhkan pelbagai urusan niaga harian.

Ini terbukti dalam beberapa kes di mana sistem pembayaran tergendala, menyebabkan kekeliruan dan kesulitan di premis-premis perniagaan.

Satu lagi isu yang sering dibangkitkan ialah berkaitan privasi. Setiap transaksi digital direkodkan, dan ini membuka ruang kepada pemantauan atau penyalahgunaan data oleh pihak ketiga. Dalam masyarakat yang menghargai kebebasan dan privasi individu, isu ini wajar diberi perhatian.

MENUJU PERALIHAN YANG SEIMBANG

WALAUPUN terdapat pelbagai kekangan, usaha ke arah membentuk masyarakat tanpa

TRANSAKSI online kini menjadi trend namun timbul persoalan terhadap penggunaannya bagi golongan berusia dan kurang celik teknologi.

Hanya dengan pendekatan yang menyeluruh dan bertanggungjawab, kita mampu membina ekosistem kewangan digital yang benar-benar mampan dan adil untuk semua demi menuju ke arah Masyarakat MADANI.

tunai harus diteruskan secara berperingkat dan inklusif.

Kerajaan, institusi kewangan, syarikat teknologi serta pertubuhan masyarakat sivil perlu berganding bahu bagi memastikan tiada pihak yang tercicir daripada gelombang pendigitalan ini.

Pendidikan digital dan kesedaran mengenai keselamatan siber perlu diperkukuh, terutamanya dalam kalangan pengguna berisiko.

Pada masa yang sama, infrastruktur digital – terutamanya di kawasan luar bandar – harus dipertingkatkan agar akses kepada sistem ini dapat dirasai secara menyeluruh.

Masyarakat tanpa tunai bukanlah satu konsep yang mustahil, malah ia bakal menjadi norma baharu dalam masa terdekat.

Namun demikian, proses ke arah itu perlu dilakukan dengan berhati-hati dan seimbang. Dalam mengejar kemudahan dan efisiensi, aspek keselamatan, kebersamaan dan kebebasan individu tidak boleh dikorbankan.

Hanya dengan pendekatan yang menyeluruh dan bertanggungjawab, kita mampu membina ekosistem kewangan digital yang benar-benar mampan dan adil untuk semua demi menuju ke arah Masyarakat MADANI.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.



Ramai pengguna tertipu, dipengaruhi selebriti

BIJAK KENALI MINYAK ZAITUN

AINI MAWAWI

MINYAK zaitun dikenali sebagai antara bahan semula jadi yang mempunyai pelbagai manfaat untuk kesihatan dan kecantikan. Permintaannya yang tinggi di pasaran global, termasuk di Malaysia telah menjadikan produk ini semakin popular dalam kalangan pengguna yang mementingkan gaya hidup sihat.

Namun begitu, peningkatan permintaan ini turut membuka ruang kepada segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mengambil kesempatan dengan mengedarkan minyak zaitun tiruan.

Lambakan produk palsu ini bukan sahaja mengelirukan pengguna, malah boleh menjejaskan kesihatan serta menimbulkan kerugian ekonomi kepada pengeluar sah.

Menyedari hal tersebut, Olive Jardine Sdn Bhd (Olive Jardine) yang merupakan pengeluar dan pengedar produk Zoutina Prestige tampil berkongsi hasil daripada kajian kerjasama dengan Fakulti Perubatan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) pada tahun lalu.

Bertempat di Hotel Sama-Sama, KLIA baru-baru ini, Sidang Kemuncak Minyak Zaitun Malaysia yang pertama menghimpunkan pihak berkepentingan di dalam industri minyak zaitun, pengusaha, pemasar, ahli akademik serta pihak berkuasa untuk berkongsi maklumat.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Olive Jardine, **Muhd Shakir Assalam Ya**, aspek utama yang ingin dibawa kepada pengetahuan



MUHD SHAKIR (dua kiri) bersama penyelidik pada Sidang Kemuncak Minyak Zaitun Malaysia yang pertama.

awam adalah berkaitan isu kualiti minyak zaitun.

“Apa yang paling penting, di sebalik giat memasarkan minyak zaitun, kami mahu mendidik masyarakat agar mereka sedar betapa pentingnya mengenali minyak zaitun yang terdapat di pasaran.

“Kajian tersebut memanfaatkan minyak zaitun perahan dara atau Extra Virgin Olive Oil (EVOO) dari variasi tuaian muda (*early harvest*) yang dipasarkan Olive Jardine Sdn Bhd iaitu Zoutina Prestige (ZPEVOO).

“Selain ZPEVOO, kajian turut membuat perbandingan dengan dua variasi minyak zaitun yang dilabel sebagai EVOO A dan EVOO B. Bagi memastikan kualiti

minyak zaitun yang digunakan untuk tujuan kajian, kesemua sampel dihantar ke makmal di Sepanyol yang menerima akreditasi Majlis Zaitun Antarabangsa (IOC) untuk diuji,” jelas beliau.

Turut hadir, Dekan Fakulti Perubatan UniSZA, Profesor Dr Harny Mohamed Yusoff; Ketua penyelidik kajian yang merupakan Pensyarah Kanan Fakulti Perubatan UniSZA, Dr Noor Azlina Abu Bakar dan Ketua Jabatan R&D Olive Jardine Sdn Bhd, Dr Suhana Samat.

Sementara itu, Harny berkata salah satu variasi iaitu EVOO B tidak menepati kualiti yang didakwa. Meskipun dalam aspek *physicochemical analysis*, tiga parameter utama berada di dalam julat EVOO, bacaan sampel

tersebut untuk parameter lain yang digariskan IOC dan EU tidak berada dalam julat EVOO.

“Ini selanjutnya disahkan melalui organoleptic assessment di mana sampel ini dikelaskan sebagai Lampante Olive Oil (LOO) iaitu gred yang ditafsirkan oleh IOC dan EU sebagai tidak selamat untuk dimakan secara langsung. LOO perlu disuling kepada Refined Olive Oil (ROO) sebelum ia selamat untuk dimakan,” kata beliau.

Mengulas lanjut, beliau berkata lambakan minyak zaitun yang ada di pasaran tanpa mendapat pengesahan IOC boleh memberi kesan kepada kesihatan dalam jangka masa panjang.

“Kita dapat lihat ramai pengguna yang tertipu dalam memilih minyak zaitun kerana keliru lebih-lebih lagi produk tersebut bersandar kepada pengaruh serta selebriti yang bertindak sebagai duta.

“Namun, sebagai pengguna, tip yang paling mudah untuk mengenal pasti sama ada minyak zaitun perahan dara adalah semula

jadi, ia mempunyai aroma, bau dan rasa buah segar serta ringan untuk diminum.

“Ia berbau seperti rumput atau daun berbanding yang palsu lebih kepada bau gas serta tengik sehingga membuat pengguna terpaksa menelan sambil menutup hidung,” jelas beliau menambah bahawa minyak zaitun *extra virgin* Zoutina Prestige berjaya meraih pelbagai anugerah pertandingan minyak zaitun di peringkat antarabangsa.

Katanya kajian yang dijalankan memberi bukti manfaat kesihatan EVOO. Kesemua dapatan kajian yang dibentangkan pada Sidang Kemuncak Minyak Zaitun Malaysia yang pertama di hadapan wakil-wakil Institut Pengajian Tinggi (IPTA) dan Kementerian Kesihatan (KKM).

“Diharapkan dapatan kajian ini menjadi pemangkin usaha bersepadu dari semua pihak untuk menambah baik isu kualiti dan kesihatan minyak zaitun,” katanya.



Sasar 1,000 kereta EV sewa beli

SYARIKAT e-hailing tempatan, GV Ride menyasarkan 1,000 kenderaan elektrik (EV) yang bakal disediakan secara sewa beli khusus untuk pemandu mereka bermula tahun depan sebagai usaha memperkukuh kelestarian dan menjamin kebajikan rakan penghantar dalam jangka panjang.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Kabeer Maand**, projek tersebut sebelum ini dijadual bermula pada awal tahun ini namun tertangguh ekoran kelewatan penghantaran dari pihak pengilang di China.

“Bulan depan kita akan terima kenderaan pertama untuk mendapat pengesahan daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Dari situ, dijangkakan dalam bulan Oktober atau November tahun ini kita akan mulakan programnya,” katanya.

Jelas Kabeer projek itu bertujuan membantu pemandu e-hailing sepenuh masa beralih kepada EV dengan kaedah pemilikan mampu

milik tanpa memerlukan bayaran pendahuluan yang tinggi.

“Kita jangka untuk mulakan projek dengan 1,000 kereta sewa beli dulu. Pemandu tak perlu keluar duit pendahuluan untuk ambil kereta.

“Bayar deposit mungkin dalam RM2,000 ke RM3,000. Ambil kereta EV, sewa beli lima tahun. Kita akan beralih daripada kereta biasa ke EV tahun depan,” jelasnya.

Tambah beliau keutamaan diberikan kepada pemandu sepenuh masa kerana komitmen penggunaan yang lebih tinggi dan mampan untuk menampung kos kenderaan EV.

“Dengan pelaksanaan projek ini, GV Ride dijangka menjadi antara pelopor dalam usaha membawa transformasi tenaga bersih ke dalam industri e-hailing tempatan,” katanya.

Dalam pada itu, GV Ride turut mengumumkan promosi diskaun tambang RM10 bulan ini tertumpu di kawasan Subang, Kuala Lumpur



KABEER (kiri) bersama pemenang pada Majlis Penyerahan Hadiah Utama dan Bulanan Program Kayuh & Menang 2025.

termasuk Universiti Malaya (UM) serta kawasan universiti di Hulu Langat sebagai inisiatif membantu mobiliti pelajar.

Sementara itu, sebagai tanda penghargaan, syarikat tersebut meraikan pemandu dalam Majlis Penyerahan Hadiah Utama dan

Bulanan bagi program Kayuh & Menang 2025 baru-baru ini.

“Tanpa anda semua, tiadalah kami pada hari ini. Kempen ini bukan sekadar pertandingan, tetapi juga platform pembinaan komuniti dan penajanaan nilai jangka panjang untuk pemandu.

“GV Ride bukan sekadar platform e-hailing. Ia adalah satu komuniti. Kita bukan hanya menghubungkan penumpang dan pemandu, tetapi kita juga membina peluang untuk menjana pendapatan, membina kerjaya dan kehidupan yang lebih baik,” katanya.

Beliau turut menegaskan komitmen untuk terus mendengar suara pemandu dan menyediakan pelbagai sokongan termasuk inisiatif peningkatan kemahiran serta sistem sokongan kebajikan yang lebih menyeluruh.

Terdahulu, program Kayuh & Menang 2025 menawarkan pelbagai hadiah menarik antaranya sebuah Perodua Bezza 1.3X, wang tunai RM10,000 dan RM5,000 bagi tempat kedua dan ketiga serta pelbagai peranti teknologi terkini seperti Samsung S25 Ultra, iPhone 16 Pro Max, dan Vivo Y39 5G.

Turut hadir, Ahli Parlimen Hulu Langat, Mohd Sany Hamzan, barisan pengurusan syarikat, penaja dan pemandu GV Ride.

TVET KINI MENJADI FENOMENA

ZULKIFLI SULONG

TTVET atau Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional kini boleh dikatakan menjadi fenomena. Ini berikutan dari ramainya pelajar lepasan SPM tidak lagi berminat menyambung pelajaran ke peringkat universiti, tetapi memilih bidang teknikal.

Pelbagai alasan yang mereka berikan. Yang paling ketara, keluar universiti bukan ada jaminan dapat kerja. Jadi, jalan terbaik adalah belajar sesuatu yang membolehkan mereka dapat kerja dengan mudah.

Untuk itu TVET menjadi pilihan mereka.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, peningkatan minat rakyat terhadap laluan kemahiran dalam bidang TVET semakin positif apabila sehingga kini, sebanyak 140,000 permohonan kemasukan ke institusi berkaitan diterima melalui platform UP_TVET.

Katanya kerajaan memberi tumpuan khusus dalam agenda pemerkasaan TVET negara dengan beberapa inisiatif strategik akan diumumkan sempena Majlis Perasmian Sambutan Hari TVET Negara 2025.

"Antara tumpuan ialah usaha menggalakkan penyertaan lebih meluas lepasan TVET dalam sektor keusahawanan berimpak tinggi, selari dengan keperluan ekonomi semasa.

"Langkah ini diharap dapat memperkukuh peranan TVET sebagai pemacu pertumbuhan dalam bidang berpotensi tinggi," katanya dalam kenyataan selepas mempengerusikan Mesyuarat Penyelarasan Khas Hari TVET Negara 2025.

Lebih 5,000 peluang pekerjaan bakal ditawarkan melalui padanan kerjaya bersama majikan daripada pelbagai sektor strategik bersempena majlis sambutan itu dengan menasarkankan kehadiran melebihi 150,000 pengunjung.

Bertema 'TVET Pilihan Utama Kerjaya', sambutan ini menghimpunkan penyertaan meluas daripada pelbagai agensi kerajaan, institusi TVET, industri serta masyarakat umum, menasarkankan impak langsung terhadap pembangunan modal insan dan peluang kerjaya.

Menurut Ahmad Zahid antara program



BIDANG TVET kini bukan sahaja menjadi pilihan ramai anak muda malah mereka juga mampu bergerak menjadi usahawan.

tumpuan ialah pameran teknologi, pertandingan kemahiran, bengkel keusahawanan, sesi bimbingan kerjaya dan seminar bersama pakar industri.

Katanya Sambutan Hari TVET Negara 2025 kali ini akan dilaksanakan secara lebih menyeluruh dan berimpak tinggi, dengan pelbagai pengisian yang bersifat inklusif, interaktif dan strategik.

"Tujuan utama program ini adalah mendekatkan masyarakat dengan dunia TVET dan memperlihatkan bagaimana TVET mampu menjadi pemangkin pembangunan negara khususnya dalam menyediakan tenaga kerja berkemahiran tinggi," katanya.

Sambutan Hari TVET Negara 2025 memperkukuh komitmen berterusan kerajaan untuk membina laluan kemahiran sebagai arus perdana pembangunan negara, seiring aspirasi Malaysia MADANI yang progresif, inklusif dan mampan.

Sebelum ini, Menteri Pendidikan memaklumkan kebolehpasaran graduan TVET telah mencapai 99 peratus sejak beberapa tahun kebelakangan ini kerana kemahiran dimiliki membolehkan mereka ditawarkan peluang pekerjaan meskipun belum menamatkan pengajian.

Fadhilina Sidek berkata ia selaras dengan unjuran kementerian itu agar perhatian ditumpukan pada bidang kemahiran supaya dapat membina kepakaran negara dengan

kekuatan tenaga kerja sendiri khususnya pelajar di peringkat kolej vokasional.

"Inisiatif ini juga hendaklah dilaksanakan bersama industri kemahiran lain bagi memastikan hasil yang lebih berkesan dan dapat dimanfaatkan khususnya meningkatkan kemahiran anak-anak di kolej vokasional," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan perasmian Kolej Vokasional Sandakan, 2 Mac lalu.

Fadhilina berkata kolej vokasional tidak boleh ketinggalan kerana tumpuan pada masa ini adalah TVET yang menyeluruh dan kursus-kursus relevan di institusi pendidikan itu perlu diperhalusi supaya mengikut kehendak pasaran.

Beliau berkata pemain industri juga memainkan peranan dalam membantu melihat kegiatan kokurikulum pendidikan yang wajar untuk diberikan perhatian supaya dapat menaik taraf kolej vokasional.

Fadhilina berkata kerajaan berhasrat melahirkan tenaga kepakaran, kemahiran dan kepintaran di peringkat domestik atau tempatan dan ia sedang diusahakan antaranya melalui pendidikan kolej vokasional.

Pertengahan tahun 2024 lalu, 92 peratus pelajar lulusan TVET berjaya mendapat pekerjaan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad berkata pencapaian cemerlang itu membuktikan

kebolehpasaran penuntut TVET di negara ini.

Menurutnya jumlah tersebut melibatkan kemasukan penuntut ke Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC).

"Seramai 92 peratus mendapat pekerjaan setelah tamat belajar, manakala baki lapan peratus tiada data diperoleh.

"Daripada jumlah itu, 82 peratus bekerja dalam bidang yang mereka pelajari. Sebagai contoh jika penuntut belajar dalam bidang IT (teknologi maklumat) maka dia bekerja pun dalam bidang IT.

"Sekarang di ILP kami berusaha menambah bidang yang dinamakan premium yang bermaksud lebih 'hi-tech' seperti kalau di Pengerang (Johor) ada *oil and gas* (industri minyak dan gas), manakala di Melaka kita ada bidang automotif selain kita turut bekerjasama dengan Intel," katanya.

Jika begitu, sememangnya TVET adalah fenomena. Ketika Kerajaan Pakatan Harapan memerintah negara selama 22 bulan sebelum ini, tahfiz digabungkan dengan TVET.

Ketika itu, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mahfuz Omar menjadi wira yang memperjuangkan TVET Tahfiz ini.

Kata Mahfuz kemampuan pusat-pusat tahfiz tempatan membentuk ilmuan serta golongan celik agama kini tidak lagi terbatas setelah penubuhan program TVET Tahfiz.

Mahfuz berkata program yang mendapat kerjasama Kementerian Pendidikan tersebut dilaksanakan untuk membuka peluang dan membantu pelajar tahfiz bagi mendapatkan latihan berkemahiran yang bersistematik melalui Pensijilan Kemahiran Malaysia.

"Perhubungan dua latar belakang yang berbeza dapat dipertemukan dengan adanya TVET Tahfiz ini. Tenaga pengajar tahfiz sedikit sebanyak dapat mempelajari ilmu bidang Teknologi Automasi Industri dan Robotik. Pada masa yang sama, guru TVET juga dapat memahami tentang tahfiz.

"Saya menyeru ibu bapa supaya tidak bimbang untuk hantar anak-anak mereka dalam program TVET Tahfiz ini malah kita harus lihat sebagai salah satu masa depan mereka untuk mendapatkan peluang pekerjaan," katanya. Semoga Allah memberkati usaha besar ini.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

Khidmat trem di ibu negara

SUATU pagi pada minggu lalu, ketika Kedai Kopi menikmati minuman pagi bersama rakan-rakan, seorang daripada mereka mengutarakan idea menarik. Mungkin idea ini tidak terlintas di fikiran ramai antara kita.

Mengambil kira masalah kesesakan lalu lintas di ibu kota, dan sistem pengangkutan awam yang dirasai belum dapat memenuhi sepenuhnya keperluan pengguna, rakan tersebut mencadangkan diadakan perkhidmatan trem (tram) di ibu negara.

Kawan-kawan Kedai Kopi tertarik dengan ideanya. Ia boleh dilihat sebagai satu solusi mengurangkan masalah kesesakan di ibu negara, menambah baik mutu pengangkutan awam, terutama khidmat Transit Aliran Ringan (LRT), Aliran Transit Massa (MRT) dan monorel.

Seperti juga LRT, MRT atau monorel, trem

bergerak di atas landasan atau rel. Bezanya laluan LRT, MRT dan monorel menggunakan landasan dibina atas laluan bertingkat atau 'elevated rail'. Untuk itu perlu dibina tiang-tiang konkrit, termasuk merentas atas jalan raya.

Sebenarnya ini bukan perkara baharu jika dilaksanakan. Khidmat trem pernah diadakan di negara ini, iaitu di George Town, Pulau Pinang pada 1906 hingga 1936. Jika dilaksanakan di ibu kota, ia seperti mengembacki dan meneruskan apa yang pernah dipelopori dahulu.

Di bandar raya negara Barat, pergerakan trem ini pemandangan biasa, sudah lama jadi pengangkutan awam yang efisien. Justeru trem di Kuala Lumpur mampu meletakkan ibu negara setanding dengan negara luar dari segi penyediaan kemudahan awam.



Rakyat kuasai bahasa Inggeris

MENURUT laporan English Proficiency Index (EPI) 2024, atau Indeks Kemahiran Berbahasa Inggeris, Malaysia berada pada kedudukan ke-26 dunia. Di Asia, Malaysia di tempat ketiga terbaik di belakang Singapura dan Filipina.

Dalam senarai bandar utama di Malaysia pula, Shah Alam, Selangor menduduki tempat pertama dengan skor 598. Ini diikuti oleh Kota Bharu, Kelantan dengan skor 585 dan Kuala Lumpur dengan skor 584.

Kawan-kawan Kedai Kopi bentangkan fakta ini untuk menunjukkan bahawa penguasaan dan kemahiran berbahasa Inggeris rakyat negara ini masih berada

pada tahap yang baik. Ini di sebalik andaian bahawa mutu kemahiran berbahasa Inggeris dalam kalangan rakyat negara ini agak merosot.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, dalam memartabatkan bahasa Melayu, kita harus mengakui kepentingan bahasa Inggeris sebagai bahasa dunia. Bahasa Inggeris ialah bahasa interaksi dan hubungan antara bangsa.

Selain itu, banyak bahan bacaan dan sumber ilmu dalam bahasa Inggeris. Untuk menguasai ilmu, wajar memahami bahasa Inggeris. Bahasa Melayu kita sanjung dan junjung tinggi. Bahasa Inggeris kita kuasai agar tidak ketinggalan.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim melancarkan Pusat Kecemerlangan i-RISE pada Selasa.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa menyantuni dan bersarapan bersama rakyat Sekijang di Kedai Makan Depan Masjid di Kampung Jawa.



MENTERI Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali mempengerusikan Mesyuarat Pasca Kabinet KPDN pada Rabu.



MENTERI Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri menghadiri Seminar Wanita yang berlangsung di Dewan Nur KPWK baru-baru ini.



MENTERI Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad merasmikan Persidangan & Pameran Penjagaan Kesihatan Antarabangsa APHM yang ke-31, iaitu antara pameran yang terbesar di Malaysia, menghimpunkan lebih 450 reruai dan lebih 1,100 peserta dari seluruh rantau ASEAN.



MENTERI Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi mempengerusikan Mesyuarat Intelligent Transport Systems (ITS) Council dan turut dibentangkan pelan Malaysian ITS Roadmap 2030, strategi nasional ke arah sistem pengangkutan lebih pintar, selamat dan mampan.



*Bukan Semua Perhatian
di Media Sosial Membawa Kebajikan*

PELIHARA PRIVASI, HINDARI KONTROVERSI DAN AMBIL KIRA AKIBATNYA NANTI



Suruhanjaya Komunikasi
dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



skmm_mcmc



MCMCTV

Dinanti-nantikan ramai khususnya pencinta buku

MV DOULLOS HOPE BERLABUH

KHAIRUL IDIN

KAPAL yang terkenal dengan pesta buku terapung terbesar di dunia, MV Doulos Hope, bakal berlabuh di Labuan selama 23 hari pada Julai ini dalam pelayarannya di Asia Tenggara.

Kapal itu akan berlabuh bermula 7 hingga 29 Julai, dan sudah pasti disambut baik oleh penduduk di Labuan.

Rata-rata penduduk termasuk dari Sabah melahirkan rasa teruja dengan kehadiran MV Doulos Hope khususnya pencinta buku.

Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan (PL), **Simsudin Sidek** berkata pihaknya amat mengalu-alukan kedatangan kapal pesta buku terapung itu yang mana ia merupakan satu lembaran baharu kerana julung kalinya Labuan terpilih sebagai salah satu destinasi berlabuh.



SIMSUDIN

Katanya sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT), PL akan sentiasa membuka ruang serta rundingan untuk memudahkan cara urusan dan kemudahan yang diperlukan bagi memastikan penganjuran pesta itu berjalan lancar.

"Dengan ketibaan kapal itu, ini merupakan satu perkara yang baik kepada Labuan khususnya memberikan kesan positif kepada ekonomi dan pelancongan.

"Kita bakal melihat peningkatan ketibaan pengunjung dan ini adalah satu perkara yang baik dalam merencanakan ekonomi Labuan termasuk peniaga kecil, restoran, perhotelan, pengangkutan dan sebagainya," katanya kepada Wilayahku.

Simsudin turut meminta kepada agensi kerajaan dan swasta untuk bersama-sama membantu dalam

menjayakannya terutama dari segi keselamatan dan kemudahan fasiliti.

Katanya ketibaan kapal besar itu jelas menunjukkan Labuan mempunyai daya tarikan yang unik dan peluang tersebut haruslah dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya bagi mengangkat nama dan imej pulau ini.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa

Labuan (UMSKAL), Dr Jaludin Janteng berkata ketibaan MV Doulos Hope adalah satu peluang besar yang bukan sahaja menyemarakkan budaya membaca, malah berpotensi memberi impak positif kepada pembangunan komuniti dan ekonomi tempatan.

Katanya kapal itu adalah satu ikon global yang membawa ribuan buku daripada pelbagai genre dan negara.

"Kehadiran kapal ini juga membuka ruang yang luas untuk meningkatkan kesedaran dan minat terhadap ilmu pengetahuan, terutama dalam kalangan generasi muda.

"Ia bukan sahaja memberi akses kepada buku berkualiti pada harga mampu milik, malah program-program di atas kapal ini boleh menjadi platform perkongsian ilmu yang sangat bermakna," katanya.

Tambahnya pihak berkepentingan di Labuan, termasuk institusi pendidikan, persatuan kebudayaan dan badan bukan kerajaan (NGO) perlu mengambil peluang berkolaborasi dan memanfaatkan lawatan ini bagi memperkukuh aktiviti pendidikan dan menyemarakkan budaya



KAPAL MV Doulos Hope merupakan kapal dengan tema pesta buku terapung kini dalam pelayaran ke Asia Tenggara.

membaca.

"Ia juga amat selari dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan pemupukan budaya ilmu dan pembangunan masyarakat berasaskan pengetahuan. Labuan sebagai Wilayah Persekutuan bertaraf antarabangsa amat sesuai untuk menganjurkan acara-acara berimpak global seperti ini.

"Harapan saya agar lebih ramai warga Labuan akan mengunjungi pesta buku ini dan memanfaatkannya bukan sahaja sebagai aktiviti membeli buku, tetapi juga sebagai satu pengalaman budaya yang dapat memupuk kecintaan kepada ilmu pengetahuan di peringkat komuniti," katanya.

Pengarah Pejabat Tourism

Malaysia Sabah, **Haryanty Abu Bakar** pula menyifatkan ketibaan kapal MV Doulos Hope itu akan memberi impak positif kepada pendapatan pemain industri pelancongan di Labuan mahupun di kawasan sekitarnya di Beaufort, Sipitang, Limbang serta Brunei.



HARYANTY

Katanya ketibaan kapal pesta buku itu nanti membuktikan Labuan berpotensi dan bersedia untuk menjadi destinasi pelancongan segmen pelayaran persiaran dan merencanakan lagi aktiviti pelancongan domestik menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026.

"Dalam masa yang sama juga pengunjung dapat menerokai acara

julung kali Borneo Flora Festival yang juga berlangsung pada 26 hingga 30 Julai ini," katanya.

Terdahulu, MV Doulos Hope merupakan sebahagian inisiatif maritim jangka panjang oleh GBA Ships yang berpangkalan di Jerman.

Misi utamanya adalah memberikan manfaat kepada komuniti menerusi pengetahuan, bantuan dan harapan yang bukan hanya menyediakan buku malah mempamerkan persembahan kebudayaan, pameran interaktif serta aktiviti penglibatan bersama komuniti tempatan.

Berdasarkan maklumat yang dilaporkan oleh ejen MV Doulos Hope, orang ramai yang ingin menaiki kapal tersebut perlu membuat tempahan (kapasiti terhad) dan mengikuti protokol keselamatan dan slot kemasukan mengikut jadual bagi mengawal aliran kemasukan pengunjung.

Jeti LKIM beroperasi sepenuhnya

JETI Fasa Dua Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Labuan di Kiansam bernilai lebih RM18 juta kini beroperasi sepenuhnya bermula bulan lalu.

Menurut LKIM Labuan, pembinaan jeti tersebut merupakan usaha kerajaan dalam menyediakan pendaratan ikan yang memberikan manfaat kepada nelayan di pulau ini.

Pihaknya memaklumkan sedang berusaha untuk menarik lebih banyak lagi nelayan bot-bot tuna untuk menggunakan jeti baharu itu bagi pendaratan

hasil tangkapan yang diperoleh. Ia merupakan salah satu perkara yang digariskan LKIM untuk dimasukkan dalam perancangan hab tuna Kompleks LKIM di Kiansam.

"Perancangan tersebut bertujuan memajukan industri ikan tuna di Labuan. Pada masa sama ia dapat meningkatkan pendapatan nelayan.

"LKIM juga dalam usaha untuk menjadikan kompleks ini sebagai pusat pendaratan ikan yang sistematik supaya memastikan matlamat kepada golongan sasar

berjaya dicapai," jelasnya.

Terdahulu, projek Jeti Pendaratan LKIM yang mula dibina pada Februari 2019 bernilai lebih RM18 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 itu bertujuan memenuhi pertambahan jumlah pendaratan hasil laut.

Jeti baharu itu yang mempunyai dwifungsi sebagai jeti tambatan dan pendaratan turut dilengkapi sistem retikulasi air luaran, sistem kumbahan dan tangki serta sistem rawatan kumbahan kecil.



JETI Fasa Dua Kompleks LKIM Labuan di Kiansam beroperasi sepenuhnya pada Mei lalu.

Perkasa peranan warga kerja dalam aspek keselamatan dan kesihatan

PPJ TINGKAT PENGURUSAN KKP

SABRINA SABRE

PERBADANAN Putrajaya (PPj) dengan Kerjasama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) menganjurkan Bengkel Pemantapan Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) sebagai langkah proaktif dalam meningkatkan tahap pematuhan terhadap peraturan baharu yang mula dikuatkuasakan pada 1 Jun 2024.

Menurut Presiden PPj, **Datuk Fadlun Mak Ujud**, bengkel itu diadakan khusus untuk memperkukuh pengetahuan dan kefahaman warga kerja PPj terhadap pengurusan KKP di tapak pembinaan sejajar dengan Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kerja Pembinaan) (Reka Bentuk dan Pengurusan) 2024.

"Objektif utamanya adalah untuk memastikan semua pihak yang terlibat dapat melaksanakan tanggungjawab masing-masing secara lebih berkesan dan mematuhi piawaian perundangan yang dikuatkuasakan oleh JKKP.

"Difokuskan kepada warga kerja PPj, bengkel ini mengambil kira peranan penting PPj sebagai 'klien' dan pihak berkuasa tempatan yang bertanggungjawab meluluskan, memantau dan menyelia pelaksanaan projek pembangunan di Putrajaya.

"Peraturan baharu ini memperincikan kewajipan semua pihak yang terlibat bagi meningkatkan prestasi KKP di tapak bina," katanya kepada Wilayahku.

Fadlun berkata sepanjang bengkel, peserta mengikuti tiga slot utama yang disampaikan oleh wakil JKKP antaranya taklimat berhubung peraturan-peraturan baharu berkaitan reka bentuk dan pengurusan, Pemberitahuan



BENGKEL yang dilaksanakan diharap dapat memperkukuh pelaksanaan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam setiap projek pembangunan di bawah kendalian PPj.

Tempat Kerja (PEMTK) serta panduan pengisian borang JKKP 12 dan proses pemutihan data maklumat projek.

"Kerjasama strategik antara PPj dan JKKP dalam penganjuran bengkel ini merangkumi perkongsian kepakaran teknikal oleh JKKP selaku agensi penguat kuasa utama dalam aspek keselamatan pekerjaan di Malaysia.

"Kerjasama seumpama ini akan diteruskan pada masa hadapan menerusi pelaksanaan program seperti audit keselamatan, kempen kesedaran, promosi serta latihan berterusan dalam usaha mewujudkan budaya kerja selamat dan sihat dalam kalangan warga kerja.

"PPj sebagai pemilik projek mempunyai peranan besar dalam merancang, mengelola dan melaksanakan sesuatu projek secara bertanggungjawab," katanya.

Justeru, beliau menekankan keperluan perancangan menyeluruh merangkumi peruntukan dana, masa dan sumber yang mencukupi bagi memastikan aspek keselamatan tidak diabaikan.

"Semua peserta perlu memahami peraturan yang telah mula berkuat kuasa agar dapat diaplikasikan secara konsisten dalam projek-projek yang dikendalikan.

"la selaras dengan tanggungjawab PPj

di bawah Peraturan 8(1) untuk membuat perancangan, pengurusan, pemantauan dan penyelarasan KKP secara lebih sistematik dan efisien.

"Antara langkah konkrit yang telah diambil oleh PPj termasuk pelantikan wakil pekerja sebagai pasukan pemantau dalam di tapak projek, menjalankan kerjasama erat dengan JKKP untuk sesi latihan dan penguatkuasaan serta pelaksanaan audit melalui borang senarai semak Occupational Safety and Health Project Assessment (OSHPA) yang diintegrasikan dalam sistem MyKKP," katanya.

Fadlun berkata impak yang diharapkan daripada penganjuran bengkel ini adalah peningkatan kompetensi pegawai teknikal PPj dalam aspek keselamatan, pematuhan terhadap perundangan yang boleh mengurangkan risiko kemalangan, peningkatan tahap pemantauan dan penguatkuasaan dalaman serta pemantapan imej PPj sebagai klien yang bertanggungjawab.

"Kami turut merancang untuk meneruskan siri latihan dan bengkel berkaitan KKP pada masa hadapan dengan memberi tumpuan kepada isu-isu khusus yang selari dengan kehendak Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Pindaan 2022).

"PPj melihat latihan seperti ini bukan sekadar pengisian pengetahuan, malah sebagai medium memperkukuh kesedaran dan tanggungjawab bersama semua pihak, mengurangkan insiden kerja, serta menjamin kelestarian kualiti projek pembangunan di Putrajaya yang selari dengan visinya sebagai bandar raya mampan bertaraf dunia," katanya. 

Inklusif buat masyarakat

DALAM usaha memperkasa sistem pengangkutan awam yang lebih efisien dan inklusif, Perbadanan Putrajaya (PPj) memperkenalkan inisiatif Kad Nadi Putrajaya kepada pengguna perkhidmatan Bas Nadiputra yang merangkumi dua kategori utama, iaitu Kad Nadi 30 dan Kad Nadi 10.

Menurut Presiden PPj, **Datuk Fadlun Mak Ujud**, Kad Nadi 30 ditawarkan kepada semua pengguna tanpa mengira latar belakang atau kategori umur.

"Pemohon dikehendaki memuat naik salinan MyKad semasa proses permohonan dan hadir secara fizikal ke Kaunter Pusat Khidmat Pelanggan PPj di Presint 3 bagi tujuan pengesahan dokumen asal sebelum kad dapat dituntut.

"Kad Nadi 10 disasarkan kepada tiga golongan utama iaitu warga emas, orang kurang upaya (OKU) serta pelajar sekolah rendah dan menengah yang menetap atau menggunakan perkhidmatan bas di sekitar Putrajaya.

"Bagi warga emas, kad ini terbuka kepada individu berumur 60 tahun ke atas. Permohonan perlu disertakan salinan MyKad dan pengesahan kad dilakukan secara fizikal dengan membawa dokumen asal ke kaunter," katanya.

Sementara itu, beliau berkata golongan OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan mengalami kecacatan penglihatan, pendengaran, psikiatri, pertuturan, pembelajaran atau kecacatan fizikal lain, layak untuk memohon Kad Nadi 10.

"Permohonan hendaklah disertakan salinan MyKad dan kad OKU JKM yang masih sah tempoh laku, manakala pengesahan dilakukan dengan membawa kedua-dua dokumen asal semasa tuntutan kad.

"Pelajar sekolah rendah dan menengah turut diberi keutamaan dalam skim ini. Kad ini terbuka kepada pelajar tahun 1 hingga tahun 6 bagi sekolah rendah dan tingkatan 1 hingga tingkatan 5 bagi sekolah menengah, berdasarkan tahun kelahiran antara tujuh hingga 17 tahun.

"Pemohon perlu memuat naik salinan MyKad, MyKID atau surat beranak, bersama surat pengesahan pelajar yang dikeluarkan oleh pihak sekolah. Pengesahan identiti

juga dilakukan di kaunter menerusi semakan dokumen asal," katanya.

Tambahnya bagi kedua-dua jenis kad, semua pemohon wajib hadir sendiri ke Kaunter Pusat Khidmat Pelanggan PPj di Presint 3 untuk proses verifikasi dan pengambilan kad bagi memastikan ketelusan dan kesahihan identiti pengguna. 

KAD NADI 10 & KAD NADI 30

- Tempoh sah laku kad adalah 30 hari bermula dari tarikh pembelian/pembaharuan kad
- Penggunaan kad Nadi adalah KHAS bagi perkhidmatan bas Nadiputra Putrajaya di Wilayah Persekutuan Putrajaya SAHAJA
- Pemohonan kad Nadi adalah secara atas talian melalui Portal Perbadanan Putrajaya

LALUAN	MULA	DESTINASI	TAMBAH
P101	KOMPLEKS F	PRESINT 1,2,3,4,5	PERCUMA
P102	PRESINT 10, 11	KOMPLEKS E	RM 1
P103	PRESINT 14, 15	KOMPLEKS E	RM 1
P104	DATARAN GEMILANG	PRESINT 5,6	RM 1
P105	DATARAN GEMILANG	PRESINT 2,3,8, KOMPLEKS E	RM 1
P106	PRESINT 16, 17, 18	KOMPLEKS E	RM 1
P108	TERMINAL PUTRAJAYA SENTRAL	PRESINT 9, KOMPLEKS E	RM 1

WAKTU OPERASI BAS NADIPUTRA

HARI BIASA: 0630 AM - 0800 PM

HARI MINGGU & CUTI UMUM: 0700 AM - 0800 PM

PERJALANAN ANDA KINI LEBIH JIMAT DENGAN KAD NADI

#JomNaikBas

Sila layari <https://mncapibus.pemasaran.com.my/links/chi-putrajaya> untuk maklumat laluan bas nadiputra yang terkini



AGATA (kiri) meluangkan masa menaiki Cruise Tasik Putrajaya mengelilingi tasik Putrajaya bersama Wan Azizah.

Kukuh hubungan

AGATA Kornhauser-Duda, isteri kepada Presiden Poland, Andrzej Duda, berpeluang menikmati keindahan landskap Putrajaya dengan menaiki Cruise Tasik Putrajaya bersama isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail pada Selasa.

Ketibaan beliau pada pukul 10.30 pagi disambut mesra oleh Dr Wan Azizah sebelum kedua-duanya mengelilingi tasik selama kira-kira 45 minit sambil berbual santai dan menghayati pemandangan bangunan ikonik yang mengelilingi pusat pentadbiran negara.

Sepanjang lawatan tersebut, Agata turut berpeluang mencuba aktiviti mencanting batik serta merakam gambar kenangan berlatarbelakangkan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin.

Agata berada di Putrajaya sempena lawatan rasmi tiga hari Andrzej Duda, yang tiba di Malaysia pada Isnin.

Lawatan ini bertujuan memperkukuh hubungan dua hala serta meneroka peluang kerjasama baharu antara kedua-dua negara.

Kunjungan ini juga dilihat signifikan ketika Malaysia menjadi Pengerusi ASEAN manakala Poland pula memegang jawatan Presiden Majlis Kesatuan Eropah.

Pesawat khas yang membawa Presiden Duda, Agata dan delegasi rasmi mendarat di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang pada pukul 8.21 malam (Isnin). Ketibaan mereka disambut oleh Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad. 

Tambah aset baharu hadapi LA28

RTG SEDIA BARISAN KE OLIMPIK

SABRINA SABRE

PROGRAM Road to Gold (RTG) terus diperluas dengan penyertaan atlet-atlet elit negara, termasuk muka baharu daripada pelbagai disiplin sukan, sebagai persediaan menghadapi temasya Sukan Olimpik Los Angeles 2028 (LA28).

Menteri Belia dan Sukan, **Hannah Yeoh** berkata pemain skuasy wanita negara, S. Sivasangari, merupakan antara atlet terbaru yang menyertai program tersebut dan kini tersenarai dalam kumpulan atlet berpotensi tinggi yang telah dikenal pasti.

Sementara itu, Sivasangari, 26, menyifatkan penyertaan dalam Program RTG sebagai satu peluang besar yang bakal membantu meringankan beban latihan, khususnya kerana beliau berpangkalan di luar negara.

"Penyertaan dalam program ini amat penting bagi saya kerana ia memberikan sokongan kewangan terutamanya kerana saya menjalani latihan di luar negara dan sedang membuat persiapan ke Olimpik.

"Semua pemain sedang berusaha ke arah Olimpik, dan



HANNAH (tengah) beramah mesra bersama atlet yang menyertai Program RTG.

berada dalam program ini memberi kelebihan besar kepada kami untuk mendapatkan segala keperluan yang kami perlukan," katanya.

Beliau turut dipilih menyertai RTG selepas berjaya menempatkan diri dalam kelompok 10 terbaik dunia dan mencatat beberapa kejayaan

cemerlang di pentas antarabangsa.

Program RTG merupakan inisiatif strategik negara untuk membantu atlet berpotensi dalam misi membawa pulang pingat emas pertama Olimpik buat Malaysia dengan sokongan bersepadu merangkumi latihan, pendedahan

kejoanan, kemudahan dan pembiayaan jangka panjang.

Turut berada dalam senarai RTG ialah pasangan beregu lelaki badminton negara, Aaron Chia-Soh Wooi Yik; beregu wanita, Pearly Tan-M Thinaah; beregu lelaki, Man Wei Chong-Tee Kai Wun dan beregu campuran Cheng Tang Jie-Toh Ee Wei.

Dari sukan berbasikal trek, dua pelumba negara iaitu Muhammad Shah Firdaus Sahrom dan Nurul Izzah Izzati Mohd Asri turut menyatakan persetujuan menyertai RTG. Selain itu, atlet angkat berat negara, Mohd Aniq Kasdan juga tersenarai sebagai antara penerima manfaat program ini.

Namun begitu, dua gandingan profesional, Goh Soon Huat-Shevon Lai Jemie (beregu campuran) dan Goh Sze Fei-Nur Izzuddin Mohd Rumsani (beregu lelaki) masih belum mengesahkan penyertaan mereka secara rasmi.

Menurut Hannah keempat-empat pemain tersebut sebelum ini telah mengadakan perbincangan bersama Koordinator RTG, Datuk Stuart Ramalingam. Namun mereka

memerlukan satu lagi pertemuan akhir bagi menyelaraskan isu-isu yang dibangkitkan.

Beliau turut memaklumkan bahawa tiga peminat recurve wanita negara, Ariana Nur Dania Mohamad Zairi, Syaqiera Mashayikh dan Nurul Azreena Fazil serta pemain skuasy lelaki, Ng Eain Yow telah bersetuju untuk menyertai Program Fast Track RTG.

Tambahnya hasil pertemuan dengan wakil-wakil persatuan sukan berkaitan RTG baru-baru ini, semua permohonan yang dikemukakan melibatkan penyertaan kejoanan luar negara serta latihan tambahan bagi memperkasa prestasi atlet secara menyeluruh.

"Harapan kita adalah supaya semua atlet ini kekal dalam senarai RTG dan terus menunjukkan peningkatan. Ketika ini mereka berada dalam kelompok 10 terbaik dunia, tetapi menjelang 2028, kita sasarkan mereka berada dalam kelompok empat atau lima terbaik dunia, barulah peluang untuk menang pingat emas lebih jelas," katanya. 

Misi separuh akhir buat skuad hoki wanita

SKUAD hoki wanita kebangsaan meletakkan sasaran untuk mara sekurang-kurangnya ke peringkat separuh akhir pada Kejohanan Piala Negara-Negara Persekutuan Hoki Antarabangsa (FIH) Wanita 2 yang akan berlangsung di Gniezno, Poland dari 16 hingga 22 Jun ini.

Malaysia di bawah bimbingan ketua jurulatih Mohd Nasihin Nubli Ibrahim, diundi dalam Kumpulan A bersama pasukan pilihan Afrika Selatan, Uruguay dan tuan rumah, Poland.

Ketua Jawatankuasa Pengurusan Pasukan Kebangsaan, **Datuk Ahmad Najmi Abdul Razak** menyifatkan sasaran tersebut sebagai realistik berdasarkan kekuatan semasa pasukan negara yang diiktiraf sebagai pasukan kedua terbaik dalam kumpulan itu.

"Saya telah berbincang dengan pihak kejurulatihan dan kami sepakat bahawa layak ke separuh akhir adalah sasaran utama.

"Format kejoanan ini sama seperti versi lelaki di mana dua pasukan teratas setiap kumpulan akan layak ke separuh akhir.

"Mengikut ranking semasa, kita adalah pasukan kedua terbaik dalam Kumpulan A selepas Afrika Selatan. Jadi sasaran kami adalah menamatkan saingan peringkat kumpulan dalam dua tempat teratas," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Nasihin



ANTARA pemain utama yang akan menggalas cabaran negara termasuk penjaga gol, Siti Zalia Nasri, pertahanan, Fatin Shafika Mohd Sukri dan penyerang berpengalaman, Hanis Nadiah Onn.

mengingatkan anak buahnya agar tidak terlalu selesa dengan kedudukan ranking, sebaliknya kekal fokus sepanjang kejoanan terutama apabila berdepan pasukan seperti Poland.

"Kita tak boleh pandang rendah terhadap Poland. Meskipun mereka kini berada di ranking ke-27 dunia, prestasi mereka lebih baik daripada yang digambarkan oleh kedudukan itu.

"Dalam kelayakan Liga Hoki Eropah sebelum ini, Poland berjaya

menduduki tempat kedua, dan itu menunjukkan mereka bukan lawan mudah. Semua pasukan dalam kumpulan ini ada potensi untuk mara ke separuh akhir, jadi setiap perlawanan penting," katanya.

Kejoanan FIH Wanita 2 ini merupakan platform penting buat pasukan negara untuk mengutip mata ranking dunia dan meningkatkan prestasi menjelang kejoanan-kejoanan utama akan datang, termasuk kelayakan Sukan Olimpik. 

Supercross 2025 bermula di KL

BUAT pertama kalinya dalam sejarah, Kuala Lumpur dipilih sebagai tuan rumah bagi perlumbaan pembuka tirai Kejuaan Dunia Supercross 2025 anjuran Persekutuan Motosikal Antarabangsa (FIM), yang akan berlangsung di Stadium Merdeka pada 18 Oktober ini.

Lebih bermakna, Kuala Lumpur merupakan satu-satunya lokasi di benua Asia yang terpilih bagi kejoanan bertaraf dunia itu, sekali gus mencipta sejarah sebagai negara Asia pertama menjadi tuan rumah bagi siri perlumbaan ikonik tersebut.

Dalam pengumuman rasmi yang dibuat FIM baru-baru ini, siri Kejuaan Dunia Supercross 2025 akan diteruskan ke empat lagi destinasi global selepas Kuala Lumpur, iaitu Buenos Aires, Argentina (8 November); Vancouver, Kanada (15 November); Gold Coast, Australia (29 November) dan berakhir di Cape Town, Afrika Selatan pada 13 Disember.

Ketua Pegawai Eksekutif Data Sukan Sdn Bhd, **Shamil Yusof** yang bertanggungjawab membawa kejoanan tersebut ke Malaysia melahirkan rasa bangga atas kejayaan menganjurkan acara sukan bermotor berprestij itu.

"Sebagai satu-satunya negara di Asia yang terpilih menjadi tuan rumah Kejuaan Dunia Supercross, kami amat berbesar hati untuk mempersembahkan keupayaan Malaysia dalam menganjurkan acara bertaraf antarabangsa.

"Kami yakin perlumbaan ini akan memberi pengalaman yang mengujakan buat peminat sukan permotoran tempatan," katanya.

Sementara itu, Pengarah FIM Motocross Commission, Antonio Alia Portela menyifatkan pemilihan lima lokasi di lima benua sebagai langkah penting dalam memperluaskan capaian sukan supercross ke seluruh dunia.

"Kami teruja membawa kejoanan ini ke lokasi-lokasi baharu termasuk Kuala Lumpur, dan percaya setiap perlumbaan akan mencipta detik yang mendebarakan serta luar biasa buat para peminat di seluruh dunia," katanya.

Buat para peminat yang ingin merasai kehangatan aksi secara langsung boleh mendapatkan tiket pra-jualan dan maklumat lanjut di laman rasmi kejoanan di <https://wsxchampionship.com>. 

AIM KEMBALI DIANJURKAN

SERIMAH SALLEHUDDIN

SETELAH tiga tahun ditangguhkan, anugerah yang mengiktiraf karya muzik tanah air, Anugerah Industri Muzik (AIM) ke-24, bakal kembali dianjurkan pada 13 September ini bertempat di *Arena Of Stars*, Genting Highlands.

Sebagai pembaharuan, AIM 24 memperkenalkan tiga kategori baharu iaitu Lagu Perpaduan Terbaik, Lagu Tradisional Terbaik dan Kolaborasi Artis Tempatan Bersama Artis/Komposer Luar Negara Terbaik.

Pengerusi Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM) dan Jawatankuasa Penganjur AIM 24, **Rosmin Hashim** berkata ia diperkenalkan berikutan terdapat banyak karya berkualiti dalam kategori itu yang dihasilkan.

Rosmin pada masa sama menepis dakwaan wujud dasar pilih kasih apabila memperkenalkan kategori Kolaborasi Artis Tempatan Bersama Artis/Komposer Luar Negara Terbaik.

Menjelaskan keperluan kategori itu diperkenalkan, Rosmin berkata ini kerana ramai penyanyi tempatan menjalin kolaborasi dengan komposer luar negara seperti Erni Zakri menerusi lagu *Masing-Masing* dan *Ara Johari* dengan lagu *Menjaga Jodoh Orang Lain*.

Justeru kata Rosmin sia-sia karya yang baik seperti itu tidak dipertandingkan kerana tiada kategori yang bersesuaian.

"Sebelum ini kita tidak ada kategori itu, tapi kita mempunyai banyak karya bagus hasil kolaborasi bakat tempatan



ROSMIN (dua dari kanan) bersama barisan penganjur dan penyiar ketika sidang media mengumumkan penganjuran AIM 24.

dengan komposer luar. Jadi sayang jika karya sebegini itu tidak dipertandingkan hanya disebabkan tiada kategori sesuai.

"Ini bukan soal dasar pilih kasih, sebaliknya AIM mahu mengiktiraf usaha dan penat lelah bakat tempatan kita yang bersusah payah menjalin kerjasama dengan komposer atau penyanyi luar.

"Jadi kami buka peluang itu untuk komposer dan artis luar negara," katanya yang ditemui pada majlis sidang media pelancaran AIM 24 di Bukit Kiara Equestrian & Country Resort, baru-baru ini.

Sementara itu, pemenang kategori Album Terbaik bakal

menerima Dana Kandungan Kreatif (DKK) bernilai RM200,000.

Tahun ini sebanyak RM700,000 dana DKK di bawah *My Creative Ventures* dan Kementerian Komunikasi diperuntukkan kepada 11 pemenang kategori utama berbanding RM320,000 kepada empat pemenang pada AIM 23.

AIM 24 bakal dipancarkan secara langsung melalui stesen RTM yang bertindak selaku penyiar rasmi.

Tahun ini sebanyak 31 kategori dipertandingkan namun hanya 11 kategori iaitu Artis Baru Terbaik, Lagu India Tempatan Terbaik, Lagu Inggeris Tempatan Terbaik,

Lagu Cina Tempatan Terbaik, Lagu Nasyid Terbaik, Lagu Pop Etnik Terbaik, Lagu Perpaduan Terbaik, Lagu Tradisional Terbaik, Lagu Terbaik, Album Terbaik dan Video Muzik Terbaik layak menerima hadiah kemenangan, dana DKK.

Kategori utama lain termasuk Vokal Lelaki Terbaik, Vokal Wanita Terbaik, Vokal Kumpulan Terbaik, Kugiran Terbaik, Vokal Duo/Kolaborasi Terbaik, Runut Bunyi (OST) Terbaik Di Dalam Filem/Drama, Lagu Rock Terbaik, Lagu Pop Terbaik, Lagu Rap/Hip Hop Terbaik, Lagu Pop Elektronik/Dance Terbaik dan Lagu Melayu Terbaik Yang Dipersembahkan Oleh Artis

Luar Negara.

Selain itu, anugerah khas iaitu Anugerah Sri Wirama masih dikekalkan.

Rosmin memberi jaminan anugerah berprestij yang mula diperkenalkan sejak 1993 itu akan diadakan setiap tahun dan tidak akan lagi ditangguhkan seperti mana sebelum ini.

Katanya segala bajet bagi penganjuran anugerah itu sudah diketepikan bagi memastikan AIM terus kekal relevan.

"Kami akan pastikan AIM diadakan setiap tahun. Ahli RIM sudah sebulat suara menggunakan royalti daripada kutipan royalti Public Performance Malaysia (PPM) untuk penganjuran acara ini.

"Tanpa tajaan sekalipun, AIM akan tetap diteruskan pada masa akan datang. Jika ada tajaan, acara akan dibuat dalam skala besar. Jika tidak, kami akan anjurkan secara kecil-kecilan saja, yang penting AIM tetap diteruskan setiap tahun," katanya. 



ANUGERAH berprestif AIM bakal dianjurkan kembali selepas tiga tahun ditangguhkan.

ERNIE (kanan) berduet bersama Anggi Marito menerusi lagu *Kisah Penuh Kecewa*.

Ernie impi duet dengan Siti Nurhaliza

PENYANYI Ernie Zakri mengakui mengimpikan untuk mengundang Biduanita Negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza berduet dalam salah satu lagu yang bakal dimuatkan dalam album terbaharunya *Sahabat*.

Walaupun bagaimanapun, jelas penyanyi berusia 33 tahun itu, setakat ini belum ada sebarang perancangan khusus mengenai kolaborasi itu tetapi dia sudah menyatakan hasrat berkenaan kepada pengurus Siti, Rozi Abdul Razak.

Menurut pemilik nama sebenar, Nur Ernie Shahirah Zakri, itu adalah antara impian terbesar dalam kerjaya nyanyiannya.

"Insya-Allah, semua masih lagi dalam perancangan. Sama ada Siti Nurhaliza bakal terbabat atau tidak, kita akan dedahkan tak lama lagi.

"Cuma saya berdoa semoga kerjaya dalam bidang nyanyian masih panjang supaya sempat berduet dengan figura hebat itu," katanya.

Meskipun masih belum ada lagu untuk dinyanyikan bersama, namun Ernie sangat berharap dapat merakamkan juga lagu bersama Siti Nurhaliza.

Tetapi katanya dia memahami kekangan jadual penyanyi nombor satu negara itu yang sangat sibuk memandangkan mereka bernaung di bawah syarikat rakaman sama, Universal Music Malaysia.

"Saya tahu beliau kini sedang sibuk menguruskan banyak perkara. Tetapi perancangan perlu berjalan dengan baik untuk kedua-dua pihak," katanya.

Sementara itu, pemenang Vokal Terbaik, Anugerah Juara Lagu (AJL) ke-39 itu bakal tampil dengan album *Sahabat* tahun ini yang menyaksikan kolaborasinya dengan beberapa penyanyi tempatan dan Indonesia.

Album *Sahabat* menghimpunkan 10 lagu yang kesemuanya dirakamkan secara duet.

Dalam perkembangan lain, Ernie muncul dengan lagu duet bersama Anggi Marito berjudul *Kisah Penuh Kecewa* yang kini mendapat sambutan positif daripada pendengar.

Lagu yang bakal dimuatkan dalam album *Sahabat* itu boleh didengari di semua platform penstriman digital sejak 23 Mei lalu. 



Cadangan menaikkan had usia persaraan kepada 65 tahun

BEKERJA SELAGI ALLAH IZINKAN

PANDANGAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said agar kerajaan mempertimbangkan untuk menaikkan had usia persaraan daripada 60 kepada 65 tahun mendapat respons positif Mufti Wilayah Persekutuan yang baharu, **Sahibus Samahah Ahmad Fauwaz Fadzil**.

Ketika ditemui Wilayahku di pejabat beliau di Putrajaya baru-baru ini, pendakwah terkenal itu secara peribadi berpandangan tiada halangan dengan apa yang disuarakan menteri berkenaan.

Cuma jelas beliau, perancangan itu perlu diurus secara baik supaya tidak menyekat peluang orang lain untuk mendapatkan pekerjaan.

“Sebab sekarang ini kehidupan berubah. Kos tinggi, dan kita tak boleh mengharapkan kehidupan kita berubah ke belakang, maksudnya kos jadi rendah, tak boleh, (kerana) dunia tidak berinteraksi sebegini, ia akan sentiasa meningkat secara basic.



AHMAD FAUWAZ

“Jadi kita memerlukan kerja yang agak lama, sebab itu saya galakkan orang bekerja. Kalau orang sudah pencen, kerja lagi, buat grab, ada *investment*, ada peningkatan supaya dana Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tidak habis begitu sahaja.

“Dalam (kehidupan) di Lembah Klang (khususnya), kita memerlukan lebih kurang RM1.7 juta untuk hidup dalam 20 tahun (selepas bersara) secara selesa, tiba-tiba tak mati lagi, daripada muzakki (orang yang mampu membayar zakat) jadi asnaf. Jadi ini

nasihat saya, jangan cuba berfikir berhenti kerja. Bekerja selagi mana Allah SWT bagi kita tenaga, tetapi ia fleksibel, bukan bermakna kita bekerja zaman muda dahulu tetapi mesti ada *income*,” katanya.

Beliau memberikan sebab utama pandangan tersebut kerana kita diciptakan Allah SWT dengan dua tujuan kehidupan.

Pertamanya, beribadat kepada Allah dan tujuan kedua adalah membangunkan bumi ini dengan pekerjaan, dengan teknologi.

Umat Islam katanya jadi lemah bila hanya fikir beribadat sahaja.

“Ia mesti serentak, beribadat dan bekerja. Beribadat sampai bila? Sampai mati. Bekerja sampai bila? Sampai mati. Tiada istilah umur pencen. Pencen ini dari segi sistem sahaja. Tetapi kita peribadi ini tiada ruang untuk nak berehat. Nanti insya-Allah dah meninggal dunia, selesai.

“Tetapi saya ingin beritahu bahawa Barat, Jepun maju kerana mereka membina empat generasi. Yang pertama generasi suka bekerja; kedua, generasi yang menghargai waktu; ketiga, generasi yang kreatif; dan keempat, generasi yang menjadikan kreativiti itu sistem.

“Macam Apple, mati tuan dia, Apple masih berjalan. Jadi mensistemkan kepakaran. Kalau kita dapat membina empat generasi ini negara kita kalau nak buat penghapusan pencen pun orang tak takut. Kenapa orang takut? Sebab minda kita ini minda nak rehat. Bukan pencen itu kita nak suruh hapus tetapi kita nampak respons itu macam takut sedangkan kalau orang kerja swasta tak takut pun.

“Saya tidaklah berapa bimbang tak ada pencen sebab kita tak fikir untuk berhenti bekerja, boleh bawa grab. Yang penting suka bekerja. *Point* penting di sini adalah semua orang dituntut untuk suka bekerja,” tegas beliau.

Beliau memberi contoh suri rumah yang boleh buat macam-macam untuk menolong suami.

Menurut laporan Jabatan Perangkaan (DOSM), satu keluarga yang ada dua orang anak (memerlukan) RM4,700 di Lembah Klang. Kalau gaji suami RM3,000,

dia memerlukan RM1,700 lagi. Dan satu orang anak, menurut kajian, daripada dilahirkan sampai umur 21 tahun, si bapa kena mengeluarkan belanja seorang anak RM383,000 sehingga RM1.3 juta.

“Dengan angka ini, mana mungkin kita nak rehat?” soal beliau. 



GOLONGAN yang sudah pencen mengikut sistem pekerjaan perlu meneruskan kehidupan termasuk bekerja dan terus bekerja.



SERTAI SALURAN TELEGRAM

t.me/wilayahku

UNTUK INFORMASI TERKINI!

IMBAS KOD QR

